

CAWANGAN AUDIT DALAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Laporan Tahunan | 2020



KANDUNGAN

i	Keperluan Pelaporan	
ii.	Prakata	
iii	Perutusan Ketua Setiausaha	
iv	Penghargaan Ketua Audit Dalam	
v	Ringkasan Eksekutif	
		Muka Surat
1.0	PENDAHULUAN	1-2
1.1	Latar Belakang	
1.2	Fungsi Audit Dalam	
1.3	Visi dan Misi	
1.4	Organisasi Dan Perjawatan	
1.5	Kesimpulan	
2.0	PENCAPAIAN PENGAUDITAN	3-5
2.1	Pembahagian Tugas	
2.2	Pencapaian Aktiviti Pengauditan	
2.3	<i>Outcome</i> dan Impak Pengauditan	
3.0	LAPORAN PENGAUDITAN	6
3.1	Pengauditan Kewangan	
3.1.1	Pengurusan Kewangan	7-15
3.1.2	Pematuhan	16-25
3.1.3	Arahan Pembayaran	26-27
3.1.4	Pengauditan Susulan	28-31
3.1.5	Pemeriksaan Mengejut	32-38
3.1.6	Pengauditan Khas Dan Siasatan	39-40
3.2	Pengauditan Prestasi (Aktiviti)	
3.2.1	Pengurusan Aktiviti Rawatan Rehabilitasi Di Hospital	41-45
3.2.2	Pengurusan Pelupusan Aset Alih (Peralatan Perubatan) Di Hospital	46-50
3.2.3	Pengurusan Barangan Rampasan/Ekshibit Di Program Perkhidmatan Farmasi	51-52
3.2.4	Pengurusan Jabatan Radioterapi Dan Onkologi Di Institut Kanser Negara	53-55

KANDUNGAN

3.3 Pengauditan Prestasi (Perolehan)

3.3.1 Pengurusan Bot Ambulans	56-58
3.3.2 Penyenggaraan Kuarters Di Pejabat Kesihatan Daerah	59-63
3.3.3 Perkhidmatan Radiologi Di Hospital	64-69
3.3.4 Pengurusan Perkhidmatan Penyediaan Makanan Secara <i>In-House</i> Di Hospital	70-77

3.4 Pengauditan Prestasi (ICT)

3.4.1 Pengurusan Sistem Teleprimary Care (TPC) OCHIS Di Klinik Kesihatan	78-83
---	-------

3.5 Laporan Pengesahan Baki Aset Dan Liabiliti - Perakaunan Akruan 84-87

4.0 LAPORAN AG'S DASHBOARD

4.1 Pemantauan Isu-Isu Yang Dipaparkan Dalam <i>AG's Dashboard</i>	88-89
--	-------

5.0 LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT 90-95

5.1 Penubuhan Dan Keahlian	
5.2 Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Audit	
5.3 Status Isu-isu Audit Yang Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit	
5.4 Rumusan	

6.0 OUTCOME DAN IMPAK CAWANGAN AUDIT DALAM 96-114

6.1 Senarai <i>Outcome</i> Dan Impak Cawangan Audit Dalam Terhadap Kementerian	
--	--

7.0 LATIHAN 115-129

7.1 Pendahuluan	
7.2 Senarai Latihan Yang Dihadiri Oleh Pegawai-Pegawai Cawangan Audit Dalam	

**CAWANGAN AUDIT DALAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Keperluan Pelaporan

Berasaskan kepada Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Cawangan Audit Dalam, KKM dengan ini menerbit dan mengemukakan kepada Kementerian Kewangan senaskah Laporan Tahunan 2020.

**Ketua Audit Dalam
Kementerian Kesihatan Malaysia**

PRAKATA

Cawangan Audit Dalam (CAD) bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko di Kementerian dan Jabatan/Agensinya adalah mencukupi dan berkesan untuk memberi jaminan terhadap pencapaian objektif. Tanggungjawab ini telah dipikul melalui pelaksanaan pengauditan secara bebas, adil, dan saksama serta pelaporan kepada Jawatankuasa Audit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Secara umumnya, proses pengauditan melibatkan perancangan, pelaksanaan dan pelaporan. Hasil pengauditan yang telah dilaksanakan dilaporkan kepada ketua jabatan atau pusat tanggungjawab (PTJ) yang berkenaan sebelum maklum balas dikemukakan oleh jabatan atau PTJ. Akhirnya laporan pengauditan yang telah selesai, dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit bagi membincang lebih lanjut isu-isu audit yang dibangkitkan. Daripada minit mesyuarat jawatankuasa Audit tindakan susulan diambil terhadap isu-isu yang memerlukan penyelesaian atau pembetulan. Semoga proses pengauditan ini dapat memberi nilai tambah kepada semua program dan aktiviti dalam Kementerian dan Jabatan/Agensi.

Jutaan terima kasih kepada semua warga KKM atas kerjasama dihulurkan semasa pengauditan dijalankan.

**PERUTUSAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



Cawangan Audit Dalam (CAD) telah diberi kuasa untuk menjalankan pengauditan secara bebas, adil, dan saksama serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Peranan CAD adalah sebagai *The third line of defence* yang memberi jaminan bebas dalam membantu Kementerian mencapai matlamatnya dengan memastikan kawalan dalaman dan pengurusan risiko adalah baik dan sistematik. Tahniah dan syabas kepada CAD atas usaha dan komitmen menyempurnakan kerja-kerja pengauditan yang dirancang, walaupun menghadapi kekangan dan limitasi dalam pelaksanaan kerana penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan fenomena Pandemik COVID-19. Hasil usaha ini telah berjaya merealisasikan dan menerbitkan Laporan Tahunan CAD Tahun 2020.

Saya berharap Laporan Tahunan CAD ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan bagi memastikan undang-undang dan peraturan kewangan dipatuhi. Sehubungan itu, penglibatan pengurusan atasan dan kerjasama semua kakitangan dalam pelaksanaan pematuhan peraturan amatlah penting bagi memastikan kelemahan sedia ada tidak berulang. Adalah diharapkan isu dan syor yang dilaporkan oleh CAD diberi perhatian dengan mengambil langkah penambahbaikan bagi meningkatkan hasil kerja dan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang dan berintegriti.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga KKM atas sokongan padu dan komitmen dalam melaksanakan tugas dan amanah bagi menzahirkan mutu pengurusan kewangan yang cekap, teratur dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.


(DATU SERI DR. CHEN CHAW MIN)

3 Februari 2021

**PENGHARGAAN
KETUA AUDIT DALAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Cawangan Audit Dalam (CAD) telah berjaya menyediakan Laporan Tahunan Audit Dalam Tahun 2020. Semoga laporan ini memberi manfaat kepada pembaca dan boleh menjadi rujukan untuk warga Kementerian Kesihatan Malaysia.

Selaras standard *Institute of Internal Auditor* (IIA), terdapat dua peranan utama Audit Dalam iaitu memberi jaminan (*assurance*) dan khidmat nasihat (*consultancy*) bagi menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Sepanjang tahun 2020, CAD telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi dan pengauditan pematuhan yang antara objektifnya adalah untuk memastikan wujudnya kawalan dalaman dalam proses dan prosedur aktiviti pengurusan kewangan di KKM. CAD juga memberi jaminan terhadap data perakaunan iaitu data baki awal aset dan liabiliti bagi item-item penyata kewangan KKM, dengan melaksanakan verifikasi terhadap baki awal aset yang berkaitan. Semasa pandemik COVID-19, pengauditan verifikasi terhadap stok sumbangan COVID-19 telah dilaksanakan bagi memberi pengesahan berhubung bilangan, jenis item stok sumbangan serta lain-lain perkara yang berkaitan.

Bagi aktiviti khidmat nasihat pula, CAD terlibat dalam pelbagai perbincangan di peringkat Kementerian serta memberi pandangan dan ulasan terhadap pertanyaan dan persoalan yang diterima dari pelbagai Bahagian dan Pusat Tanggungjawab. Wakil CAD juga turut memberi ceramah kepada pelbagai PTJ khususnya bagi tajuk pengurusan kewangan.

Saya dengan rendah diri merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Seri Dr. Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa Audit, pegawai-pegawai kanan Kementerian dan semua pihak yang sentiasa memberi kerjasama dan sokongan semasa pengauditan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.



(DR. NOR HAIZA BINTI ABD AZIZ @ JUNED)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penubuhan Cawangan Audit Dalam (CAD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 1980 adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. CAD KKM bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. Sehingga bulan Disember 2020, CAD mempunyai 78 pegawai berbanding 85 perjawatan yang diluluskan bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Sepanjang tahun 2020, CAD telah menjalankan pengauditan dan siasatan serta mengeluarkan laporan seperti berikut:

Bil.	Pengauditan	Auditi/PTJ
1.	Pengurusan Kewangan	20 PTJ – Bahagian IPKKM, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah/Bahagian/Kawasan.
2.	Pematuhan	i. Kawalan Keselamatan (13 PTJ) ii. Pengurusan Kutipan Hasil (13 PTJ) iii. Kerja-kerja Pembaikan Kecil, Pengubahsuaian dan Naik Taraf (13 PTJ)
3.	Arahan Pembayaran	40 PTJ
4.	Susulan	13 PTJ
5.	Pemeriksaan Mengejut	76 PTJ
6.	Prestasi (Aktiviti)	i. Pengurusan Aktiviti Rawatan Rehabilitasi Di Hospital ii. Pengurusan Pelupusan Aset Alih (Peralatan Perubatan) Di Hospital iii. Pengurusan Barangan Rampasan/Ekshibit Di Program Perkhidmatan Farmasi iv. Pengurusan Jabatan Radioterapi Dan Onkologi Di Institut Kanser Negara

RINGKASAN EKSEKUTIF

Bil.	Pengauditan	Auditi/PTJ
7.	Prestasi (Perolehan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Bot Ambulans ii. Perkhidmatan Radiologi Di Hospital iii. Penyenggaraan Kuarters Di Pejabat Kesihatan Daerah iv. Pengurusan Perkhidmatan Penyediaan Makanan Secara <i>In-House</i> Di Hospital
8.	Prestasi (ICT)	Pengurusan Sistem Teleprimary Care (TPC) OCHIS Di Klinik Kesihatan
9.	Khas dan Siasatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Penyata Kewangan Di Majlis Perubatan Malaysia. ii. Pengauditan Stok Sumbangan Orang Awam Untuk COVID-19 di Hospital Sungai Buloh. iii. Pengauditan Stok Sumbangan Orang Awam Untuk COVID-19 di Stor Pharmaniaga, Shah Alam. iv. Siasatan Terhadap Kehilangan Stok Kerajaan Di Hospital Kerajaan. v. Pengurusan Bantuan Peralatan Perubatan Melalui PeKa B40 di Bawah Protecthealth Corporation Sdn. Bhd.
10.	Pengesahan Baki Aset dan Liabiliti – Perakaunan Akruan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengesahan Data Baki Awal Aset Alih. ii. Pengesahan Data Baki Awal Aset Tak Alih. iii. Pengesahan Data Baki Awal Aset Tak Ketara. iv. Pengesahan Data Baki Awal Akaun Belum Terima.

1.0

PENDAHULUAN

1.1 PENUBUHAN

- Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menubuhkan Cawangan Audit Dalam (CAD) pada tahun 1980. Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 dan PS 3.2 memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab CAD dan bertanggungjawab terus kepada KSU bagi menjamin kebebasan fungsi CAD.
- Objektif CAD adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

1.2 FUNGSI AUDIT DALAM

- Meningkatkan keberkesanan proses kawalan dalaman dan tadbir urus KKM dengan memberi kepastian (*assurance*) kepada pihak pengurusan;
- Membantu memantapkan tahap akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan program/aktiviti di KKM;
- Membantu memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan KKM melalui pengauditan prestasi; serta
- Membantu pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dalam pengurusan kewangan dan sistem penyampaian perkhidmatan di KKM supaya tindakan pencegahan (*preventive*) serta pembetulan (*corrective*) dapat diambil dengan segera.

1.3 VISI DAN MISI

VISI

- Untuk memberi perkhidmatan Audit Dalam yang terbaik bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

MISI

- Untuk melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas ke arah memantapkan kawalan serta akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan aktiviti di pusat tanggungjawab (PTJ) Kementerian Kesihatan Malaysia.

1.4 ORGANISASI DAN PERJAWATAN

- Sebanyak 85 perjawatan termasuk 72 perjawatan kader dari Jabatan Audit Negara dan 13 daripada pelbagai gred jawatan guna sama ditempatkan di CAD KKM. Pengisian perjawatan sehingga 14 Disember 2020 seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Perjawatan Yang Diluluskan
Berbanding Perjawatan Diisi Setakat 14 Disember 2020


Jawatan	Kumpulan	Bil. Jawatan		
		Lulus	Isi	Kosong
Ketua Audit Dalam Gred Utama C	Pengurusan Tertinggi	1	1	0
Juruaudit W52	Pengurusan & Profesional	1	1	0
Juruaudit W48	Pengurusan & Profesional	5	5	0
Juruaudit W44	Pengurusan & Profesional	4	4	0
Pegawai Teknologi Maklumat F44	Pengurusan & Profesional	1	1	0
Juruaudit W41/44	Pengurusan & Profesional	6	3	3
Penolong Juruaudit W36	Pelaksana	11	11	0
Penolong Juruaudit W32	Pelaksana	9	9	0
Penolong Juruaudit W29/32	Pelaksana	35	33	2
Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat N19/22/29/30	Pelaksana	1	1	0
Pembantu Tadbir N22	Pelaksana	1	1	0
Pembantu Tadbir N19/22	Pelaksana	8	6	2
Pembantu Operasi N11/14	Pelaksana	1	1	0
Pemandu Kenderaan H11/14	Pelaksana	1	1	0
Jumlah		85	78	7

1.5 KESIMPULAN

Dengan kekuatan sumber manusia yang diisi seramai 78 pegawai, pihak CAD telah berjaya menyelesaikan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) seperti yang dirancang untuk tahun 2020 tertakluk kepada sedikit pindaan disebabkan penularan wabak COVID-19.

Carta organisasi CAD, KKM setakat 14 Disember 2020 adalah seperti berikut:

CARTA ORGANISASI CAWANGAN AUDIT DALAM, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



RINGKASAN PERJAWATAN			
JAWATAN	JUMLAH	ISI	KOSONG
JUSA C	1	1	-
W52	1	1	-
W48	5	5	-
W44	4	4	-
F44	1	1	-
W41/44	6	3	3
W36	11	11	-
W32	9	9	-
W29/W32	35	33	2
N19/N22/N29/N30	1	1	-
N22	1	1	-
N19/N22	8	6	2
H11/H14	1	1	-
N11/N14	1	1	-
JUMLAH	85	78	7

TARIKH KEMASKINI : 14.12.2020

2.0

**PENCAPAIAN
PENGAUDITAN**

2.1 PENDAHULUAN


CAD menyediakan rancangan aktiviti pengauditan pada setiap tahun bagi tahun berikutnya. Pada setiap hujung tahun pula, CAD akan membuat penilaian terhadap pencapaian aktiviti pengauditan sama ada Sasaran Kerja Tahunan (SKT) tercapai ataupun sebaliknya. Berikut adalah butiran berkenaan pembahagian tugas dan pencapaian aktiviti pengauditan.

2.2 PEMBAHAGIAN TUGAS

Bilangan perjawatan yang diluluskan untuk CAD adalah sebanyak 85 jawatan. Berdasarkan bilangan *manhours* bagi setiap jawatan adalah 1,701 setahun, pembahagian tugas mengikut aktiviti berdasarkan jumlah *manhours* 85 pegawai dari pelbagai gred di CAD seperti di **Jadual 2** dan **Carta 1**.

Jadual 2
Pembahagian *Manhours* Mengikut Aktiviti Pada Tahun 2020

Aktiviti	Jumlah <i>Manhours</i>	Peratus
Pengauditan Pengurusan Kewangan	13,880	9.6%
Pengauditan Pematuhan	27,066	18.7%
Pengauditan Arahan Pembayaran	27,760	19.2%
Pengauditan Susulan	9,023	6.3%
Pengauditan Mengejut	1,735	1.2%
Pengauditan Khas/Siasatan	1,735	1.2%
Pengauditan Prestasi/ Perolehan/ ICT	20,820	14.4%
Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti	2,082	1.4%
Aktiviti-aktiviti Lain	40,484	28%
Jumlah	144,585	100%



2.3 PENCAPAIAN AKTIVITI PENGAUDITAN

Pada tahun 2020, pencapaian aktiviti pengauditan berbanding rancangan audit atau Sasaran Kerja Tahunan (SKT) adalah sebanyak 108.3%. Butirannya seperti di **Jadual 3**:

Jadual 3
Perbandingan Pencapaian Aktiviti Pengauditan Dengan SKT

Bil.	Aktiviti	Sasaran Kerja Tahun 2020			Ulasan	
		Sasaran Awal	Pindaan Sasaran Disebabkan Pandemik Covid-19	Pencapaian		
1.	Pegauditan Pengurusan Kewangan	30	19	20	105.3	Selesai dan melebihi sasaran
2.	Pegauditan Pematuhan	39	39	39	100.0	Selesai
3.	Pegauditan Arahan Pembayaran	40	40	40	100.0	Selesai
4.	Pegauditan Susulan	13	13	13	100.0	Selesai
5.	Pegauditan Pemeriksaan Menejut	76	76	76	100.0	Selesai
6.	Pegauditan Prestasi/ Perolehan/ ICT	12	10	9	90.0	#
7.	Pegauditan Khas/Siasatan	6	6	5	83.3	*
8.	Verifikasi Baki Aset Dan Liabiliti (ABT/Aset)	3	3	4	133.3	Selesai dan



Bil.	Aktiviti	Sasaran Kerja Tahun 2020				Ulasan
		Sasaran Awal	Pindaan Sasaran Disebabkan Pandemik Covid-19	Pencapaian	Peratus Pencapaian (%)	
	Alih/Aset Tak Alih/Aset Tak Ketara)					melebihi sasaran
9.	Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan	1	0	0	0.0	Digugurkan
Jumlah		220	206	205	89.1	

Nota: (*) – Pelaksanaan pengauditan khas atau siasatan bergantung sepenuhnya kepada arahan Pengurusan Tertinggi KKM

(#) - Satu tajuk diluluskan pengauditan pada tahun berikut, 2021 disebabkan PKP

2.4 KESIMPULAN

Hasil/pencapaian dari aktiviti pengauditan sepanjang tahun 2020 mendapati penjimatan kepada kementerian/jabatan/kutipan amaun terlebih bayar/penalti yang dikenakan/kutipan akaun belum terima berjumlah RM696,609.94. Selain itu CAD juga telah membuat penambahbaikan sistem kawalan dalaman/tadbir urus/prosedur kerja dan juga khidmat nasihat diberikan.

3.0

**LAPORAN
PENGAUDITAN**

3.1 PENDAHULUAN

Sepanjang tahun 2020, terdapat tiga (3) jenis pengauditan utama yang telah dilaksanakan iaitu Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan Pengesahan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti – Perakaunan Akruan. Pengauditan Kewangan merangkumi sejumlah 20 Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Pematuhan (39), Pengauditan Arahan Pembayaran (40), Pengauditan Susulan (13), Pemeriksaan Mengejut (76) serta lima (5) Pengauditan Khas Dan Siasatan. Bagi Pengauditan Prestasi, sebanyak sembilan (9) tajuk melibatkan Prestasi Aktiviti, Perolehan dan ICT. CAD juga melaksanakan Pengesahan Data empat (4) Baki Awal Aset Dan Liabiliti – Perakaunan Akruan.

3.1

**LAPORAN PENGAUDITAN
KEWANGAN**

Objektif Pengauditan

Menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Skop Pengauditan

Pengurusan Kewangan bagi tahun 2020 meliputi aspek:

- Kawalan Terimaan
- Pengurusan Perolehan
- Kawalan Perbelanjaan
- Pengurusan Kenderaan Kerajaan

20 Bilangan PTJ terlibat

3.1 PENDAHULUAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan pada tahun 2020 telah dijalankan di 20 PTJ merangkumi empat (4) elemen kawalan utama iaitu kawalan terimaan, pengurusan perolehan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan kenderaan Kerajaan. Pemilihan empat (4) elemen kawalan ini dibuat berdasarkan signifikannya ke atas operasi KKM.


3.1.1 PRESTASI PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (4 KAWALAN)

- Sejumlah **143** isu dibangkitkan dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan di **20** PTJ berkenaan. Daripada **143** isu yang telah dibangkitkan, dua (2) elemen kawalan utama yang mencatatkan bilangan isu yang paling banyak ditemui adalah **Kawalan Terimaan** iaitu **43** isu (**30%**) dan **Pengurusan Perolehan** iaitu **37** isu (**26%**). Butirannya seperti di **Jadual 4** dan **Carta 2**.

Jadual 4
Ringkasan Penemuan Audit Dalam Mengikut Kawalan

Perihal Kawalan	Penemuan Audit	
	Bilangan Isu Dibangkitkan	(%)
Terimaan	43	30
Perolehan	37	26
Perbelanjaan	29	20
Kenderaan Kerajaan	34	24
Jumlah	143	100

Carta 2
Penemuan isu Mengikut Kawalan Bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan (4 Kawalan)




- Penarafan Prestasi Pengurusan Kewangan dikategorikan kepada empat (4) iaitu **Baik, Memuaskan, Kurang Memuaskan** dan **Tidak Memuaskan**. Berdasarkan Laporan Penemuan Audit yang dikeluarkan, sebanyak **tiga (3)** PTJ memperoleh penarafan Baik, **sembilan (9)** PTJ memperoleh tahap Memuaskan manakala **enam (6)** PTJ berada pada tahap Kurang Memuaskan dan **dua (2)** PTJ berada di tahap Tidak Memuaskan seperti di **Jadual 5** dan **Carta 3**.

Jadual 5
Prestasi Pengurusan Kewangan (4 Elemen)

Bil.	PTJ	Penarafan
1.	Bahagian Kewangan, IPKKM	Baik
2.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Setiu, Terengganu	Baik
3.	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), Kelantan	Baik
4.	Bahagian Pengurusan Latihan, IPKKM	Memuaskan

Bil.	PTJ	Penarafan
5.	Bahagian Kejururawatan, IPKKM	Memuaskan
6.	Pusat Pergigian Kanak-Kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang	Memuaskan
7.	Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	Memuaskan
8.	Pejabat Kesihatan Daerah Lembah Pantai, WP Kuala Lumpur	Memuaskan
9.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Lipis, Pahang	Memuaskan
10.	Jabatan Kesihatan Negeri, Kelantan	Memuaskan
11.	Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran, Sabah	Memuaskan
12.	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian), Johor	Memuaskan
13.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Kangsar, Perak	Kurang Memuaskan
14.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Hulu Langat, Selangor	Kurang Memuaskan
15.	Hospital Putrajaya	Kurang Memuaskan
16.	Hospital Pontian, Johor	Kurang Memuaskan
17.	Pejabat Kesihatan Daerah Bandar Baharu, Kedah	Kurang Memuaskan
18.	Pejabat Pergigian Bahagian Sibu, Sarawak	Kurang Memuaskan
19.	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu	Tidak Memuaskan
20.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan	Tidak Memuaskan

Carta 3
Penarafan Prestasi Pengurusan Kewangan



3.1.2 RINGKASAN PENEMUAN AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN

Berikut merupakan penemuan Audit utama yang telah dibangkitkan ke atas PTJ yang dilawati semasa pengauditan pengurusan kewangan.

a) Kawalan Terimaan

Kawalan Borang Hasil

- Buku borang hasil tidak diperiksa sebelum digunakan menyebabkan borang hasil yang rosak tidak dikembalikan kepada Syarikat Percetakan Nasional Berhad (PNB).
- Semakan mingguan borang hasil tidak dilaksanakan dan tidak disimpan dengan selamat.
- Kemasukan dan pengeluaran buku borang hasil tidak direkod ke dalam Daftar Borang Hasil (Kew.67) dan pengeluaran borang hasil tidak mengikut turutan nombor siri.
- Pertukaran pemungut tidak dibuat dengan teratur kerana Lampiran N AP66A tidak disediakan.

Penerimaan/Kutipan Hasil

- Surat penurunan kuasa tidak dikemas kini dan tiada pengasingan tugas bagi melaksanakan tugas-tugas kewangan melibatkan kutipan hasil.
- Pengurusan peti besi tidak dilaksanakan dengan teratur melibatkan pegangan anak kunci dan kod kombinasi.

Kawalan Perakaunan Terimaan

- Resit bagi terimaan melalui mel lewat dikeluarkan kerana semakan harian Daftar Mel dan Buku Tunai tidak dilaksanakan.
- Ruang juruwang di kaunter kutipan tidak selamat kerana boleh diakses oleh pegawai lain.
- Pembatalan Resit Rasmi tidak dibuat dengan teratur.
- Kutipan hasil tidak bersamaan dengan nilai Resit Rasmi yang diurusniagakan yang menyebabkan lebih tunai di tangan.

- Cetakan Buku Tunai (Kew.249)/Laporan Tunai Harian/Buku Tunai Harian (TK100) tidak disemak setiap hari oleh Pegawai Penyelia menyebabkan terimaan tidak direkod mengikut peraturan.
- Buku Tunai Bulanan/ Penyata Penyesuaian Hasil/ Sijil Pengesahan Baki lewat dihantar ke Pejabat Perakaunan.
- Kesilapan pada sijil pengesahan baki terimaan tidak dapat dikesan oleh PTJ kerana semakan harian tidak dilaksanakan.

Kemasukan Pungutan Ke Bank

- Pemungut kecil lewat menyerahkan wang kutipan kepada Pemungut Utama menyebabkan hasil Kerajaan lewat dimasukkan ke dalam bank.

Akaun Belum Terima

- Akaun Belum Terima (ABT) tidak dilaporkan dengan tepat dan tidak boleh disemak silang kerana Akaun Kawalan/Subsidiari ABT tidak diselenggara.
- Daftar Sewa Premis tidak diselenggara dengan kemas kini dan tidak mengikut format yang telah ditetapkan.

b) Pengurusan Perolehan

Kawalan Dalam Perolehan Kerajaan

- Pengasingan tugas dalam urusan perolehan tidak diamalkan kerana Peraku II Arahan Pembayaran, Pelulus Pesanan Kerajaan dan Pegawai Pengesah Nota Penerimaan Barang (NPB) adalah pegawai yang sama.
- Penguncian masuk had kuasa berbelanja atau akses sistem berbeza dengan Surat Perwakilan Kuasa Arahan Perbendaharaan 101.

Pengurusan Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

- Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga tidak direkodkan dengan teratur dan dipamerkan.
- Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

Pelaksanaan Perolehan Kerajaan

- Kajian pasaran tidak dilaksanakan dengan berkesan oleh PTJ. Pihak Audit menemui kajian pasaran yang meragukan kerana pembekal berbeza mempunyai alamat dan nombor telefon yang sama; dibuat secara *dummy quotation*; serta

tawaran dibuat dalam tempoh yang singkat yang menyukarkan pembekal menghantar sebut harga.

- Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan setelah menerima keputusan Jawatankuasa Sebut Harga.
- Perolehan secara pecah kecil bagi mengelakkan sebut harga telah dikesan melibatkan pelbagai jenis perolehan seperti Sistem Panggilan Pesakit, bekalan makanan dan minuman, perolehan kerja dan perkhidmatan percetakan.
- Perolehan perabot telah dibuat dengan syarikat yang tidak disenaraikan sebagai syarikat panel.
- Perolehan harta modal dilaksanakan sebelum kelulusan Pegawai Pengawal diperolehi.

Pengurusan Kontrak Kerajaan

- Daftar Kontrak tidak diselenggara bagi merekodkan butiran kontrak yang terdapat di PTJ.
- Dokumen Surat Setuju Terima (SST) atau kontrak formal tidak ditandatangani oleh pegawai yang diturunkan kuasa.
- Dokumen SST atau kontrak formal tidak ditandatangani dengan lengkap atau tarikh perjanjian lebih awal dari tarikh keputusan sebut harga.
- Keutuhan dokumen kontrak tidak terjamin kerana tidak dimatikan setem atau tandatangan ringkas tidak diturunkan di setiap muka surat perjanjian.
- Kontrak formal perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa tidak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh SST.
- Perjanjian Kontrak disediakan tidak mengikut format yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan/KKM.
- Bon Pelaksanaan Kontrak tidak dikemukakan/lewat dikemukakan kepada pihak Kerajaan antara 18 hingga 96 hari.
- Perolehan perkhidmatan dibuat di luar kontrak bermasa yang sedang berkuat kuasa.

Pengurusan Pembayaran

- Denda lewat/penalti tidak dikenakan meskipun pembekal lewat menyempurnakan obligasinya atau tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam Pesanan Kerajaan/Inden Kerja.
- Penerimaan bekalan/perkhidmatan dibuat oleh pegawai yang tidak diberikan kuasa.

- Tanggungan kontrak tidak dibuat terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima.
- Pembayaran kepada syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata tidak disemak dengan teliti menyebabkan potongan denda akibat pelanggaran syarat kontrak tidak dilaksanakan.
- Rebat penggunaan mesin penyalin tidak dituntut oleh PTJ menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

b) Kawalan Perbelanjaan

Pelaporan Perbelanjaan

- Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak disediakan dengan tepat dan lewat dikemukakan ke Pejabat Perakaunan.
- Laporan Bil/Invois (Arahan Perbendaharaan 103) lewat dicetak, tidak disemak mengikut kekerapan yang ditetapkan, tidak ditandatangani dan tidak dicatatkan tarikh semakan.

Pengurusan Rekod Perakaunan

- Penjenisan kod objek perbelanjaan tidak dibuat dengan tepat.

Prestasi Pembekal/Syarikat Kontraktor Kerja

- Bekalan tidak diterima dalam masa yang ditetapkan atau mengikut spesifikasi dan tarikh penerimaan tidak dicatatkan.
- Spesifikasi yang jelas dan terperinci tidak disediakan semasa pelaksanaan perolehan kerja.
- Pembekalan perolehan pembelian terus lewat dari tarikh akhir yang ditetapkan dalam Pesanan Kerajaan.

Pengurusan Dokumen Sokongan Arahan Pembayaran

- Arahan Pembayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan asal yang lengkap dan sempurna.
- Nota Penghantaran tidak ditandatangani oleh pegawai penerima.
- Nota Penerimaan Barang (NPB) dan Nota Pelaksanaan Perkhidmatan (NPP) tidak dicetak dan dilampirkan sebagai dokumen sokongan kepada Arahan Pembayaran.

Pengurusan Bayaran Pukal

- Laporan Terperinci Pembayaran Pukal tidak dicetak dan tidak disemak dengan bil asal menyebabkan perbezaan bayaran tidak diambil tindakan pembedahan.
- Bil asal daripada agensi pukal tidak diterima/disimpan oleh PTJ dan dicap "TELAH DIBAYAR".

Pengurusan Panjar Wang Runcit

- Buku Tunai Panjar Wang Runcit (PWR) tidak diselenggarakan dengan tepat dan kemas kini.
- PWR digunakan untuk tujuan yang tidak dibenarkan seperti pembayaran tuntutan perjalanan dan perkhidmatan potong rumput.

c) Pengurusan Kenderaan Kerajaan

Kawalan Am Kenderaan dan Pegawai Kenderaan

- Kenderaan baharu yang diterima tidak diperaku oleh woksyp Kerajaan sebelum pengesahan terimaan dibuat.
- Pegawai Kenderaan tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan.
- Pegawai Kenderaan tidak melaksanakan tugas-tugasnya dengan teratur termasuk tidak melaksanakan pemeriksaan ke atas Buku Log Kenderaan.

Pengurusan Kenderaan Jabatan

- Fail sejarah kenderaan jabatan tidak diselenggarakan/tidak teratur/tidak lengkap.
- Kenderaan jabatan digunakan tanpa kelulusan Pegawai Kenderaan.
- Kenderaan jabatan digunakan oleh pegawai gred JUSA yang telah dibekalkan dengan kenderaan rasmi jawatan.
- Kunci pendua kenderaan tiada dalam simpanan Pegawai Kenderaan.

Pengurusan Buku Log Kenderaan

- Penyelenggaraan kenderaan tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini dalam buku log kenderaan dan rekod penyelenggaraan harta modal (KEW.PA-15).
- Rekod penggunaan kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini di Buku Log Kenderaan melibatkan nama dan tandatangan pemandu, pengguna serta pembelian bahan api.
- Bacaan odometer pada kenderaan berbeza dengan bacaan odometer di buku log.

- Pengiraan dan Analisa Penggunaan Bahan Api Bulanan tidak disediakan mengikut format dan kaedah yang ditetapkan. Kesilapan ini tidak dikesan kerana Ketua Jabatan tidak melaksanakan pemeriksaan ke atas analisa tersebut.
- Pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya satu kali setahun ke atas Buku Log tidak dilaksanakan.
- Jarak perjalanan yang dicatatkan dalam buku log kenderaan tidak munasabah.

Pengurusan Kad Inden Minyak

- Kad Inden Minyak atau Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa. Kegagalan Ketua Jabatan menyemak penyelenggaraan rekod berkenaan menyebabkan kesilapan dan ketidakakuran berlaku secara berterusan.
- Semakan bulanan penggunaan dan maklumat pada kad inden tidak dilaksanakan kerana invoice syarikat tidak disimpan oleh PTJ.
- PTJ menggunakan bahan api yang tidak ekonomi kerana resit menunjukkan pembelian RON 97 bagi kegunaan kenderaan Jabatan.

Pengurusan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit

- Pengurusan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) bagi kenderaan jabatan tidak dilaksanakan dengan teratur kerana rekod pendaftaran dan agihan tidak diselenggara. Selain itu pemantauan melalui semakan penyata bulanan tidak dilaksanakan dan kad tidak disimpan dengan selamat.

Pengurusan Kenderaan Pegawai Gred JUSA

- Pengurusan perolehan dan penggunaan bahan api Pegawai Gred JUSA tidak dilaksanakan dengan teratur melibatkan had penggunaan, pengesahan penggunaan, kutipan semula penggunaan melebihi had ditetapkan dan penggunaan minyak RON 97 untuk kenderaan rasmi jawatan.
- Pemantauan ke atas penggunaan KSBTTR bagi kenderaan rasmi jawatan tidak dilaksanakan dengan teratur kerana penyata tidak dicetak dan disahkan oleh pegawai sebelum transaksi tambah nilai dibuat.

Pengurusan Notis Kesalahan Lalu Lintas

- Notis Kesalahan Lalu Lintas kenderaan Jabatan belum diselesaikan menggunakan kaedah yang ditetapkan.

a. PENGAUDITAN PEMATUHAN TERHADAP PEROLEHAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI HOSPITAL

Objektif Pengauditan

Menentukan sama ada perolehan perkhidmatan kawalan keselamatan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa dan perkhidmatan kawalan keselamatan dilaksanakan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak.

Skop Pengauditan

Perkhidmatan Kawalan Keselamatan bagi tahun 2020 meliputi aspek:

- Pengurusan Perolehan
- Pentadbiran Kontrak
- Pelaksanaan Perkhidmatan
- Pengurusan Pembayaran

13 PTJ

- Hospital Jitra, Kedah
- Hospital Baling, Kedah
- Hospital Slim River, Perak
- Hospital Kuala Kangar, Perak
- Hospital Ampang, Selangor
- Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan
- Hospital Melaka
- Hospital Permai, Johor
- Hospital Rompin, Pahang
- Hospital Besut, Terengganu
- Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh, Kelantan
- Hospital Sentosa, Kuching, Sarawak
- Hospital Kudat, Sabah

PENEMUAN AUDIT

a. Pentadbiran Kontrak

- Klausula dalam dokumen kontrak tidak jelas dan bercanggah antara klausa kontrak, jadual dalam kontrak dan Surat Setuju Terima. Klausula penting seperti dalam Pekeliling Perbendaharaan PK 4.3 'Format Perjanjian Piawaian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan' juga tiada dinyatakan dalam kontrak melibatkan lima (5) hospital.

b. Pelaksanaan Perkhidmatan

- Kriteria pelantikan pengawal keselamatan tidak dipatuhi seperti tiada laporan perubatan, kelulusan tapisan keselamatan, ujian *urine* dan kursus *Certified Security Guards* (CSG). [12 hospital]
- Denda tidak dikenakan terhadap kegagalan pengawal keselamatan membuat rondaan dan *clocking* berjumlah RM218,129.97. [6 hospital]
- Denda tidak dikenakan terhadap kegagalan syarikat menyediakan peralatan dan kelengkapan dengan lengkap berjumlah RM39,314.51. [6 hospital]
- Denda tidak dikenakan kerana lewat hadir bertugas berjumlah RM262.20. [1 hospital]
- Laporan rondaan dan *clocking* tidak disediakan/ dikemukakan dan tidak jelas. [4 hospital]
- Laporan harian tidak dikemukakan kepada hospital. [4 hospital]
- Pengawal keselamatan bertugas melebihi 12 jam. [4 hospital]

c. Pengurusan Perolehan

- Perolehan kerja tidak mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.
- Surat pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi dan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga belum ditandatangani oleh Pengarah Hospital.
- Spesifikasi kerja tidak jelas dan terperinci.
- Anggaran jabatan disediakan tanpa perincian dan kertas kerja.

d. Pengurusan Pembayaran

- Pengiraan denda tidak tepat/ berbeza. [3 hospital]
- Bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan terlebih dibayar berjumlah RM2,070.51. [2 hospital]
- Tanggungan kontrak tidak dibuat terlebih dahulu sebelum perkhidmatan diterima.
- Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan selepas perkhidmatan dilaksanakan antara sembilan (9) hingga 119 hari. [4 hospital]

- Kelewatan pembayaran melebihi 14 hari dengan tempoh kelewatan antara 16 hingga 86 hari.
- Dokumen sokongan tidak lengkap dalam Arahan Pembayaran seperti yang ditetapkan mengikut kontrak. [8 hospital]
- Tuntutan bayaran lewat dikemukakan oleh syarikat dengan tempoh kelewatan antara dua (2) hingga 148 hari. [3 hospital]

RUMUSAN

- Secara keseluruhannya pihak Audit mendapati masih terdapat kelemahan dalam penyediaan dokumen perjanjian, pematuhan kepada syarat-syarat kontrak dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa di 13 hospital yang diaudit.

SYOR AUDIT

- Memastikan perkhidmatan kawalan keselamatan diuruskan dengan cekap dan teratur serta pegawai yang terlibat dengan penyeliaan, pemantauan dan pembayaran hendaklah memahami syarat-syarat perjanjian;
- Memastikan setiap klausa penting bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dinyatakan dengan jelas dan terperinci di dalam dokumen kontrak;
- Memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak dipatuhi terutama berkaitan sijil tapisan keselamatan, pengesahan perubatan dan sijil kursus CSG;
- Mengutip semula jumlah denda yang tidak dikenakan kepada syarikat dan mengambil tindakan pemotongan bayaran sekiranya masih berlaku ketidakpatuhan kepada syarat kontrak; dan
- Mempertingkatkan lagi pemantauan terhadap perkhidmatan kawalan keselamatan yang dilaksanakan serta memperbanyakkan lagi pemeriksaan mengejut di pos kawalan.

b. PENGAUDITAN PEMATUHAN TERHADAP PENGURUSAN KUTIPAN HASIL DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Pengauditan

- Menilai sama ada pengurusan kutipan hasil di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia telah dilaksanakan dengan terkawal dan berkesan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Skop Pengauditan

- Pengurusan kutipan hasil di hospital bagi tahun 2019 sehingga tarikh pengauditan.
- Pengauditan meliputi sembilan (9) aspek utama kawalan iaitu:
 - Kawalan pengurusan, sistem dan prosedur
 - Kawalan borang hasil
 - Penerimaan wang
 - Kemasukan pungutan ke bank
 - Perakaunan terimaan/hasil
 - Penyediaan akaun belum terima
 - Kehilangan dan hapus kira
 - Pemeriksaan dalaman/ pemeriksaan mengejut.

13 PTJ

- Hospital Yan, Kedah
- Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang
- Hospital Parit Buntar, Perak
- Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur
- Hospital Selayang, Selangor
- Hospital Jelebu, Negeri Sembilan
- Hospital Jasin, Melaka
- Hospital Sultanah Nora Ismail, Johor
- Hospital Raub, Pahang
- Hospital Hulu Terengganu, Terengganu
- Hospital Pasir Mas, Kelantan
- Hospital Sri Aman, Sarawak
- Hospital Papar, Sabah

PENEMUAN AUDIT

a. Kegagalan Mengutip Hasil Kerajaan

- Caj bayaran pendaftaran tidak dikutip secara konsisten dari pesakit. [2 hospital]
- Jumlah amaun perlu dibayar pada bil rawatan tidak bersamaan dengan jumlah bayaran oleh pesakit / waris.
- Kesilapan pengiraan caj yang dikenakan. [4 hospital]
- Caj perkhidmatan tidak mengikut kadar yang ditetapkan dalam *Data Orderables Item* bahagian IT. [2 hospital]
- Caj perkhidmatan ambulans tidak mengikut kadar yang ditetapkan.

- Rekod kos rawatan kepingan caj berbeza dengan bil.
- Caj Perkhidmatan ambulan/kenderaan jenazah/mayat tidak dikutip.
- Kutipan hasil tidak sama dengan nilai kupon hasil yang diurusniagikan.
- Fi rawatan pesakit yang dikenakan dalam bil rawatan tidak mengikut rawatan sebenar yang dilakukan terhadap pesakit.
- Tuntutan bil rawatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Badan Berkanun belum dibuat. [2 hospital]
- Bil rawatan pesakit lewat dikeluarkan.
- Caj rawatan pesakit di Unit Hemodialisis tidak dikutip setiap kali rawatan.

b. Pengurusan Deposit

- Deposit kemasukan ke wad yang dikenakan tidak mengikut kadar. [4 hospital]
- Deposit tidak dikutip bagi pesakit yang dimasukkan ke wad. [6 hospital]
- Pengurusan Deposit Tidak Mengikut Peraturan / Pelarasan amaun deposit tidak dibuat oleh pihak hospital walaupun bayaran bil rawatan telah selesai. [2 hospital]
- Deposit yang diterima tidak mengikut kadar yang ditetapkan dan telah dikredit ke akaun hasil dalam tempoh kurang daripada 12 bulan.

c. Pengurusan Tunggakan Hasil

- Bil Bayaran Caj Hospital Tidak Dijelaskan. [2 hospital]
- Pengendalian Bil Rawatan Tertunggak Tidak Mengikut Garis Panduan. [5 hospital]
- Pengurusan pengeluaran surat peringatan yang tidak teratur.
- Tunggakan Hasil Tidak dikutip. [6 hospital]

d. Kawalan Kutipan Hasil Yang Tidak Mengikut Peraturan

- Pegawai merekod dan menyemak buku tunai tidak dilantik secara bertulis. [2 hospital]
- Daftar Borang Hasil (KEW 67) tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. [6 hospital]
- Baki stok borang hasil di daftar berbeza dengan baki sebenar fizikal. [2 hospital]
- Perakuan tentang ketepatan nombor siri borang hasil tidak dibuat. [10 hospital]
- Stok borang hasil tidak disemak secara mingguan oleh Pegawai Penyelia. [6 hospital]
- Ruangan nombor pendaftaran dan tarikh pada kupon hasil tidak diisi dengan lengkap. [2 hospital]


- Lampiran N tidak disediakan semasa pertukaran pegawai yang menjaga borang hasil. [3 hospital]
- Notis pemberitahuan kepada orang awam untuk meminta resit tidak dipamerkan. [4 hospital]
- Resit batal tiada pengesahan pegawai yang dilantik. [2 hospital]
- Buku tunai tidak disemak setiap hari oleh Pegawai Penyelia. [5 hospital]
- Kepingan caj dan bil (AM 115) tidak disediakan. [2 hospital]
- Kadar deposit kemasukan ke wad yang dipamerkan tidak tepat. [2 hospital]
- Resit rasmi asal tidak dikemukakan untuk diaudit. [2 hospital]
- Resit ditandatangani oleh pegawai yang tidak diberikuasa. [2 hospital]
- Buku Daftar Caj Hospital tidak diselenggara/ tidak lengkap. [3 hospital]
- Kelewatan pengeluaran resit rasmi bagi terimaan melalui mel. [5 hospital]
- Daftar Mel tidak disemak dengan buku tunai oleh Pegawai Penyelia pada setiap hari. [3 hospital]
- Keselamatan pengurusan kutipan yang kurang memuaskan. [2 hospital]
- Kutipan hasil tidak direkodkan ke dalam buku tunai. [4 hospital]
- Tiada pengasingan tugas bagi penyedia baucar jurnal pembatalan resit dan pengeluar resit asal. [3 hospital]
- Semakan penyata pemungut selepas pungutan dimasukkan ke bank tidak ditandatangani ringkas. [5 hospital]
- Pungutan lewat dimasukkan ke bank/ diserahkan kepada pemungut utama. [4 hospital]
- Pemeriksaan Dalaman (AP 308) tidak dibuat. [6 hospital]
- Pemeriksaan Mengejut (AP 309) tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan. [2 hospital]
- Pemeriksaan Mengejut (AP 309) tidak dilaksanakan secara menyeluruh. [3 hospital]
- Sewaan ruang bangunan lewat diterima dari penyewa. [2 hospital]

RUMUSAN

- Secara keseluruhannya pengurusan kutipan hasil di hospital perlu diperbaiki dan dipertingkatkan kerana terdapat kelemahan terutamanya dalam kegagalan mengutip hasil kerajaan sepenuhnya, kutipan hasil yang tidak mengikut peraturan serta kawalan dalaman yang masih tidak memuaskan.

SYOR AUDIT

- Memastikan peraturan Kerajaan berkaitan pengurusan kewangan hasil dipatuhi sepenuhnya.

- 
- Memastikan bayaran pesakit di wad diurus dengan teratur dan mengikut kadar fi yang ditetapkan.
 - Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai bawahan yang terlibat dalam pengurusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.
 - Mengemas kini sistem yang dibangunkan bagi pengurusan hasil.
 - Menentukan semua pegawai yang terlibat diberi latihan sewajarnya bagi memastikan pengurusan kutipan hasil dilaksanakan dengan berkesan dan teratur.
 - Unit Hasil hendaklah memastikan pelaksanaan terhadap garis panduan tatacara pengendalian bil rawatan tertunggak dipatuhi sepenuhnya.

**c. PENGAUDITAN PEMATUHAN TERHADAP KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL,
PENGUBAHSUAIAN DAN NAIK TARAF DI PEJABAT KESIHATAN
DAERAH/KAWASAN/BAHAGIAN**

Objektif Pengauditan

Menilai sama ada perolehan kerja-kerja pembaikan kecil, pengubahsuaian dan naik taraf di PKD/PKK/PKB KKM telah dilaksanakan dengan terkawal dan berkesan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

Skop Pengauditan

- Meliputi semua perolehan kerja pembaikan kecil, pengubahsuaian dan naik taraf yang dilaksanakan oleh PKD/PKK/PKB terlibat bermula dari bulan Januari 2019 sehingga Julai 2020.
- Kerja-kerja ini termasuk yang dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan, klinik desa atau fasiliti KKM lain di bawah seliaan PKD/PKK/PKB.

13 PTJ

- | | |
|------------------------------------|---|
| • PKD Pendang, Kedah | • PKD Manjung, Perak |
| • PKD Pekan, Pahang | • PKK Beaufort, Sabah |
| • PKD Kuala Pilah, Negeri Sembilan | • PKB Bintulu, Sarawak |
| • PKD Kulai, Johor | • PKD Besut, Terengganu |
| • PKD Segamat, Johor | • PKD Hulu Selangor, Selangor |
| • PKD Kulim, Kedah | • PKD Kepong, Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur |
| • PKD Pasir Mas, Kelantan | |

PENEMUAN AUDIT

a. Peruntukan Penyelenggaraan

- Pindah Peruntukan Penyelenggaraan tanpa kelulusan Kementerian Kewangan berjumlah RM364,384.19 bagi tahun 2019 dan 2020. [3 PTJ]
- Perolehan aset dibuat tanpa kelulusan.

b. Penurunan Kuasa dan Pelantikan

- Penurunan Kuasa dan Pelantikan Jawatankuasa berkaitan perolehan tidak dibuat secara bertulis. [3 PTJ]
- Tidak menyelenggara Daftar Sebut Harga. [2 PTJ]
- Pelantikan Jawatankuasa-jawatankuasa Perolehan tidak dilantik secara bertulis. [4 PTJ]

- Pegawai Penerima/Pengesah tidak dilantik secara bertulis. [3 PTJ]

c. Peraturan Am Perolehan Kerajaan

- Perolehan kerja secara pecah kecil untuk mengelakkan sebut harga berjumlah RM802,198.40. [6 PTJ]
- Dokumen sebut harga tidak mengikut pekeliling.

d. Jawatankuasa berkaitan perolehan tidak melaksanakan tugas dan fungsi mengikut pekeliling yang melibatkan sembilan (9) PTJ

e. Tiga (3) PTJ tidak menjalankan kajian pasaran bagi perolehan kerja berjumlah RM639,335.40

f. Dua (2) PTJ tidak menyediakan anggaran harga Jabatan

g. Dua (2) PTJ tidak mempamerkan keputusan muktamad sebut harga di laman web/papan notis untuk makluman

h. Pengurusan Perolehan Kerja

- Pengeluaran Inden Kerja tidak lengkap dan penggunaan Pesanan Kerajaan untuk perolehan kerja. [10 PTJ]
- Dua (2) PTJ tidak mengikut *template* Surat Setuju Terima yang ditetapkan dalam pekeliling, manakala empat (4) PTJ tidak mematuhi klausa insurans liabiliti awam dan insurans kerja.
- Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dipatuhi. [4 PTJ]
- Pelantikan kontraktor tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan pekeliling. [4 PTJ]
- Kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor tidak mengikut ketetapan dan pematuhan spesifikasi kerja yang telah dipersetujui. [10 PTJ]
- Pengesahan kerja siap tidak dibuat. [5 PTJ]
- Tanggungan kecacatan tidak dibuat oleh kontraktor. [2 PTJ]

i. Pembayaran kepada kontraktor

- Dokumen sokongan berjumlah RM206,365.00 tidak lengkap. [7 PTJ]
- Pembayaran bil/tuntutan berjumlah RM647,767.90 tidak dibuat dalam tempoh 14 hari. [6 PTJ]
- Kesilapan kod perakaunan berjumlah RM328,130.50. [7 PTJ]
- Bayaran kerja-kerja telah terlebih dibayar sejumlah RM4,917.20. [5 PTJ]
- Bayaran telah dibuat tetapi kerja-kerja tidak sempurna/tidak mengikut spesifikasi. [6 PTJ]

j. Perbelanjaan yang dikeluarkan tidak memenuhi objektif perolehan melibatkan lima (5) PTJ

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, tahap pematuhan peraturan perolehan kerja di 13 PTJ yang dilawati adalah kurang memuaskan.

SYOR AUDIT

- JKN perlu mengeluarkan peringatan tahunan kepada semua PTJ mengenai pelantikan pegawai yang terlibat dengan perolehan secara bertulis. JKN juga wajar menyalurkan atau memaklumkan anggaran waran peruntukan lebih awal kepada PTJ bagi tujuan membantu perancangan tahunan.
- Perolehan secara Lantikan Terus digunakan hanya untuk tujuan baik pulih kecemasan sahaja. Jadual Kadar Harga digunakan sebagai asas penentuan anggaran harga Jabatan sebelum kaedah Lantikan Terus digunakan.
- PTJ wajar mengutamakan kaedah *Requisition* atau sebut harga dan menghantar pegawai terlibat menghadiri kursus berkaitan perolehan kerja terutamanya kaedah *requisition* dan sebut harga.
- Pemeriksaan dalaman AP 308 digunakan sebagai satu mekanisme pemantauan bagi mengenal pasti tahap kemahiran dan kompetensi pegawai.
- Khidmat nasihat daripada Jurutera/Penolong Jurutera yang ditempatkan di JKN untuk membantu PTJ yang tidak mempunyai perjawatan tersebut bagi tujuan penyediaan spesifikasi dan pengesahan siap kerja.

3.1.3 LAPORAN PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN


PENEMUAN AUDIT

- Analisis terhadap penemuan Audit bagi Pengauditan Arahan Pembayaran pada tahun 2020 mendapati sebanyak 451 isu telah dibangkitkan melibatkan 40 PTJ.
- Tiga (3) elemen kawalan utama yang mencatatkan bilangan isu yang paling kerap ditemui adalah Pengurusan Bayaran iaitu 159 isu (35%), Perolehan Kerja dan Pengurusan Stor iaitu masing-masing 41 isu (9%).
- Ringkasan peratusan penemuan Audit bagi Pengauditan Arahan Pembayaran di 40 PTJ seperti di **Jadual 6** dan **Carta 4**.

Jadual 6
Penemuan Audit Terhadap Pengauditan Arahan Pembayaran

Elemen	Penemuan Audit	
	Bilangan Isu Dibangkitkan	(%)
Penurunan Kuasa / Had Capaian	34	8
Pengurusan Bayaran	159	35
Pesanan Kerajaan	40	9
Pengurusan Bil	11	2
Pembelian Terus	16	4
Sebut Harga	32	7
Perolehan Kerja	41	9
Pentadbiran Kontrak	38	8
Pengurusan Aset	39	9
Pengurusan Stor	41	9
Jumlah	451	100

Carta 4
Analisis Penemuan Pengauditan Arahkan Pembayaran



RUMUSAN

- Hasil daripada pemerhatian Audit, pengurusan Arahkan Pembayaran di PTJ masih perlu ditambah baik memandangkan terdapat isu yang masih berulang.

SYOR AUDIT

- Pemantauan dan penyeliaan oleh Ketua Jabatan serta pegawai penyelia hendaklah dilakukan dengan lebih kerap agar dapat meningkatkan kesedaran pematuhan kepada peraturan/pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
- Pegawai yang menjalankan tugas dalam urusan bayaran hendaklah diberi pendedahan ilmu melalui latihan dan kursus berkaitan urusan bayaran secara berterusan untuk meningkatkan kepekaan, pemahaman dan kemahiran dalam menjalankan tugas hakikinya.
- Integriti pegawai hendaklah sentiasa diingatkan dan ditekankan agar perolehan Kerajaan dilakukan dengan penuh tanggungjawab serta berprinsipkan *value for money*.
- Pembetulan serta penambahbaikan yang menyeluruh hendaklah dibuat terhadap penemuan Audit bagi mengelakkan isu yang sama berulang.

PENDAHULUAN

- Pengauditan susulan dilaksanakan untuk memantau sama ada tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah diambil terhadap teguran pengauditan pengurusan kewangan yang dibangkitkan terdahulu. Ini bertujuan untuk mempertingkatkan kawalan dalaman bagi mengelakkan ketidakpatuhan terhadap peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

PENEMUAN AUDIT

- Berdasarkan penemuan Audit di kalangan PTJ yang telah dilaksanakan pengauditan pengurusan kewangan pada tahun sebelum, sebanyak 13 PTJ telah dipilih untuk pengauditan susulan pada tahun 2020. Bagaimanapun, satu daripadanya telah diganti dengan susulan terhadap pengauditan pematuhan pengurusan kutipan hasil disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Semakan Audit terhadap isu-isu pengurusan kewangan di PTJ yang dipilih mendapati kelemahan yang dibangkitkan telah diambil tindakan, bagaimanapun masih terdapat beberapa teguran audit yang masih berulang. Butirannya seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Senarai Isu Yang Masih Berulang

Bil.	Isu
Kawalan Terimaan	
1.	Dua penerimaan melalui mel telah lewat didaftarkan selama lapan dan 13 hari dari tarikh penerimaan mel.
2.	16 orang pegawai masih belum menjelaskan deposit kuarters Kerajaan yang diduduki berjumlah RM3,950.00 sehingga tarikh akhir pengauditan.
3.	19 daripada 234 resit rasmi terimaan melalui mel lewat dikeluarkan di antara tiga hingga 14 hari.
4.	Buku Tunai Kew.249 di Unit Kecemasan, Unit Hemodialisis, Klinik Mata, Klinik Pakar Pembedahan (SOPD) dan Klinik Pakar Bedah Mulut tiada semakan oleh pegawai penyelia.
5.	Surat penurunan kuasa bagi menulis, menandatangani dan membatalkan resit rasmi diberikan kepada pegawai yang tidak bersesuaian.
6.	Kutipan hasil lewat diserahkan ke Pemungut Utama antara lapan hingga 21 hari.
7.	Anak kunci peti besi tidak dipegang oleh pegawai pemegang anak kunci yang dilantik.
8.	Hasil dikutip masih tidak mengikut kadar yang ditetapkan.

Bil.	Isu
9.	Deposit bayaran hospital masih tidak mengikut kadar yang ditetapkan.
Pengurusan Perolehan	
10.	Ahli Jawatankuasa Penilaian Kewangan tidak dilantik secara bertulis.
11.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> tidak dijalankan secara menyeluruh. Empat pegawai yang terlibat dengan perolehan tidak menandatangani Surat Akuan oleh Penjawat Awam yang terlibat dalam perolehan (Lampiran A).
12.	Keputusan muktamad sebut harga ada dipamerkan di laman web agensi selepas pesanan Kerajaan/Inden Kerja dikeluarkan, tetapi tidak mengikut format yang ditetapkan dalam pekeliling.
13.	Dua dokumen perjanjian kontrak penyewaan iaitu penyewaan kafeteria dan penyewaan premis bagi tujuan <i>kiosk</i> masih belum disediakan semenjak Januari 2019.
14.	Dua perolehan barang telah lewat dibekalkan dengan kelewatan antara tiga (3) hingga 36 hari.
15.	Dua (2) daripada tiga (3) syarikat pembekal masih gagal menjelaskan bayaran denda kelewatan menyempurnakan penghantaran bekalan.
Kawalan Perbelanjaan	
16.	Laporan Bil/Invois tidak dicetak dan tidak disemak sekurang-kurangnya sekali sebulan.
17.	Tiga (3) Pesanan Kerajaan berjumlah RM46,011.91 lewat dikeluarkan antara 13 hingga 68 hari selepas perkhidmatan dilaksanakan.
18.	Tindakan pelarasan terhadap kehilangan wang panjar berjumlah RM295.80 pada tahun 2005 masih belum dilaksanakan. PTJ baru membuat permohonan pendahuluan pelbagai kepada Bahagian Kewangan KKM melalui surat bertarikh 13 Julai 2020.
19.	Bil asal pukal tidak diterima daripada Agensi Pukal setelah pembayaran dilakukan.
20.	Daftar Pembiayaan Pembelian Kenderaan tidak disenggara dengan lengkap.
21.	Laporan bulanan pembayaran pukal telah dicetak pada tahun 2020 tetapi tidak dibuat semakan silang dengan bil asal.
22.	Satu (1) tuntutan EKLWBB bagi tuntutan <i>passive call</i> yang melebihi empat jam tidak disertakan dengan butiran tugas.
23.	Pembelian 10 unit kerusi berangkai berjumlah RM3,800.00 pada tahun 2019 telah salah diklasifikasikan di bawah kod 27199.
24.	Gred jawatan pelulus Pesanan Kerajaan tidak selaras dengan surat perwakilan kuasa

Bil.	Isu
	Pegawai Pengawal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
25.	Baucar kecil Kew.50E (iGFMAS) lewat disediakan yang menyebabkan transaksi bayaran balik deposit lewat direkodkan dalam Buku Tunai.
26.	Aset dan bekalan diterima oleh pegawai yang tidak dilantik sebagai Pegawai Penerima.
27.	14 aset yang dibeli pada tahun 2020 berjumlah RM60,880.00 tidak didaftarkan.
Pengurusan Kenderaan Kerajaan	
28.	Pengiraan kadar penggunaan bahan api bulanan bagi kenderaan jabatan tidak tepat kerana pegawai tidak mengambil kira baki bahan api pada hujung bulan semasa membuat kiraan.
29.	Tiga pembelian bahan api berjumlah RM144.41 tidak direkod dalam buku log kenderaan.
30.	Penyata Kad Inden tidak disemak silang dengan resit pembelian bahan api.
31.	Buku Daftar Kad Inden Minyak Kenderaan PTJ masih tidak mengikut format seperti di Pekeliling.
32.	Pemeriksaan Mengejut terhadap Buku Log Kenderaan tidak dilaksanakan.
33.	Ulasan analisa kadar penggunaan bahan api bulanan dan tahunan tidak dibuat.
34.	Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
35.	Keratan salinan asal buku log tidak diserahkan/difaikkan untuk pengesahan Pegawai Kenderaan.
36.	Lapan (8) fail kenderaan di Unit Pengangkutan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
37.	Buku Log kenderaan tidak diisi dengan lengkap oleh pegawai yang menggunakan kenderaan.

RUMUSAN

- Berdasarkan pengauditan susulan yang dilaksanakan, pihak Audit mendapati tahap pengurusan kewangan perlu dipertingkatkan terutama terhadap isu-isu yang berulang.

SYOR AUDIT

- Mengenal pasti punca utama berlakunya ketidakpatuhan yang dibangkitkan.
- Mempertingkatkan seliaan terhadap kelemahan yang dikenal pasti dalam proses kerja.
- Memastikan pegawai mematuhi garis panduan dan proses kerja yang telah ditetapkan.

PENDAHULUAN

- Pemeriksaan Mengejut merupakan satu pendekatan pengauditan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada Pemungut Kecil (PK) yang dilawati. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa, mengira dan menganalisis rekod, dokumen dan fail serta menyemak secara fizikal wang tunai, harta awam dan barang berharga yang diterima serta disimpan bagi menentukan sama ada wang kutipan/harta awam telah diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.
- Pada tahun 2020, Pemeriksaan Mengejut telah dilaksanakan ke atas 76 pemungut kecil seperti di Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian, Klinik Komuniti atau Klinik Desa dengan penumpuan ke atas pengurusan kutipan hasil, pengurusan kenderaan dan pengurusan aset dan stor.

PENEMUAN AUDIT

- Pemeriksaan Mengejut terhadap Pemungut Kecil mempunyai kelemahan berdasarkan 19 aspek pengauditan berikut:
 - Wang Kutipan Hasil
 - Perwakilan Kuasa Bagi Terimaan
 - Peti Besi
 - Pemeriksaan Mengejut (Ap 309)
 - Pemeriksaan Dalaman (Ap 308)
 - Borang Hasil
 - Pengurusan Sijil Cuti Sakit
 - Pegawai Kenderaan
 - Kawalan Penggunaan Kenderaan
 - Kawalan Kad Inden
 - Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) & *Smart Tag*
 - Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan Selain Kereta Konsesi
 - Pendaftaran Aset
 - Penggunaan Aset
 - Penyimpanan Aset
 - Penyenggaraan Aset
 - Pengurusan Stor

Maklumat terperinci seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Penemuan Audit Dalam Bagi Pengauditan Mengejut

Bil.	ISU DITEMUI
WANG KUTIPAN HASIL	
1.	Kupon RM1.00 (FL634151 – FL634157) berjumlah RM7.00 yang diurusniaga pada 13 Oktober 2020 tidak dikeluarkan mengikut nombor siri secara berturutan. Nombor Siri ini juga tidak direkodkan dalam Buku Tunai.
2.	Buku Tunai tidak dapat disemak pada 21/10/2020 kerana dibawa pulang ke rumah oleh Pembantu Tadbir (N22). Pengauditan Susulan Pemeriksaan Mengejut pada 23/10/2020 mendapati, urusan pada 21 hingga 22/10/2020 tidak direkodkan ke dalam Buku Tunai.
3.	Buku Tunai ada dibuat semakan setiap hari oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis. Bagaimanapun, semakan yang dibuat tidak merujuk kepada Resit Rasmi/Kupon sebenar yang diurusniagakan setiap hari.
4.	Wang kutipan harian tidak disimpan di tempat berkunci. Kutipan disimpan di bakul dalam laci tidak berkunci kerana telah rosak.
5.	Notis Pemberitahuan kepada orang awam untuk mendapatkan Resit Rasmi selepas pembayaran dibuat tidak dipamerkan di kaunter kutipan hasil.
6.	Jumlah wang kutipan tidak sama dengan jumlah kupon RM1.00 yang dikeluarkan.
7.	Resit Rasmi yang dipinda di ruangan 'amaun' dan 'tarikh' tidak dibatalkan.
8.	Semakan Audit mendapati tiada pengasingan tugas bagi pembatalan dan pengeluaran resit rasmi. Resit telah dibatalkan oleh pegawai sama yang mengeluarkan resit tersebut.
9.	Buku Tunai/ Buku Tunai Elektronik tidak diperiksa dan disemak setiap hari oleh pegawai penyelia bagi memastikan semua transaksi adalah betul.
10.	Semakan tidak dibuat ke atas Resit Rasmi Elektronik (Kew. 38E).
PERWAKILAN KUASA BAGI TERIMAAN	
11.	Semakan Audit mendapati tiada surat kuasa diberikan kepada pegawai untuk menyerahkan kutipan hasil kepada Pemungut Utama.
12.	Semakan Audit mendapati perwakilan kuasa secara bertulis tidak dikemas kini.

Bil.	ISU DITEMUI
13.	Pegawai yang sama dilantik bagi memegang anak kunci peti besi dan kabinet besi.
14.	Surat kuasa tidak dikemas kini bagi serahan ke Pemungut Utama. Tiada surat kuasa bagi kutipan yang dibuat di pemungut kecil di Klinik Desa.
PETI BESI	
15.	Peti besi tidak mempunyai anak kunci dan pihak klinik hanya menggunakan kod kombinasi dan dibuka oleh seorang pegawai sahaja .
16.	Kabinet besi berpaling mempunyai dua anak kunci berbeza yang disimpan oleh pegawai yang sama Pembantu Tadbir (N22).
17.	Surat kuasa secara bertulis bagi membuka peti besi disediakan secara teratur. Bagaimanapun semasa pemeriksaan dibuat didapati peti besi tidak berkunci dan tidak dapat dipastikan sama ada ianya dibuka oleh dua orang pegawai berasingan.
18.	Wang kutipan tidak disimpan ke dalam peti besi sebaliknya ke dalam bilik penyelia sahaja.
PEMERIKSAAN MENGEJUT (AP 309)	
19.	Pemeriksaan Mengejut (Arahan Perbendaharaan 309) tidak dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan klinik tidak menerima Daftar Pemeriksaan Mengejut (Arahan Perbendaharaan 309) daripada Pejabat Kesihatan Daerah kerana kehabisan stok.
20.	Pemeriksaan Mengejut terhadap peti besi tidak dijalankan.
PEMERIKSAAN DALAMAN (AP 308)	
21.	Semakan Audit mendapati tiada bukti Pemeriksaan Dalaman dijalankan di pejabat oleh Ketua Jabatan/wakil yang dilantik.
22.	Daftar Pemeriksaaan Dalaman (Arahan Perbendaharaan 308) tidak disediakan.
23.	Daftar Pemeriksaan Dalaman (Arahan Perbendaharaan 308) tidak dikemukakan semasa pengauditan.
BORANG HASIL	
24.	Daftar Borang Hasil Kew.67 tidak lengkap di ruangan Tarikh Terima, Kepada Siapa Dikeluarkan, Tandatangan Penerima, Tarikh Dikeluarkan, Tarikh Habis

Bil.	ISU DITEMUI
	Digunakan dan Baki.
25.	Sembilan (9) buah buku kupon RM5.00 (Perub.315) (CJBF558051-558500) tidak disemak.
26.	Kupon RM1.00 (Perub.316) bernombor FL300000- FL300300 disimpan di dalam laci (<i>pedesta</i>) yang tidak berkunci.
27.	Semakan mingguan tidak dibuat ke atas borang hasil yang dikeluarkan.
28.	Perakuan resit rasmi tidak dibuat di belakang helaian pertama salinan pejabat terhadap 80 buah kupon RM1.00 dan 32 buah kupon RM5.00.
29.	Semakan Audit mendapati Buku Daftar Kew.67 tidak disediakan bagi merekod terimaan dan pengeluaran borang hasil dari stor/kabinet.
PENGURUSAN SIJIL CUTI SAKIT	
30.	Buku Sijil Cuti Sakit tidak direkod dalam Borang Terimaan Dan Keluaran (Kew.68)
31.	Pengeluaran Sijil Cuti Sakit tidak mengikut nombor siri.
32.	Tujuh (7) buah buku Sijil Cuti Sakit tidak direkod ke dalam Daftar Kaunterfoil (Kew.67)
PEGAWAI KENDERAAN	
33.	Pegawai kenderaan di Klinik Kesihatan tidak mempunyai surat lantikan.
34.	Kunci kenderaan disimpan di kaunter klinik dalam laci yang tidak berkunci dan diambil sendiri oleh pemandu.
35.	Semakan Audit mendapati kunci disimpan oleh pemandu semasa kenderaan jabatan tidak digunakan.
KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN	
36.	Semakan terhadap Buku Log mendapati perjalanan tidak mendapat kelulusan daripada Pegawai Kenderaan.
37.	Buku Log tidak diisi dengan lengkap di ruangan 'tandatangan pelulus, tandatangan pengguna', dan 'nombor resit' bagi setiap pembelian minyak.
38.	Butiran pembelian bahan api tidak dikemas kini dalam Buku Log.
KAWALAN KAD INDEN	

Bil.	ISU DITEMUI
39.	Daftar Rekod Pergerakan Kad Inden tidak disediakan dan kad inden disimpan oleh pemandu setiap masa.
40.	Penyata Pembelian/Penyata Kad tidak disemak setiap bulan.
41.	Buku Rekod Pergerakan Kad Inden tidak diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.
KAWALAN KAD SISTEM BAYARAN TOL TANPA RESIT (KSBTTR) & SMART TAG	
42.	Buku rekod pergerakan dan penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan tidak diselenggara dengan lengkap.
43.	Kad Touch 'N Go disimpan dalam kabinet di bilik pemandu.
44.	Buku rekod pergerakan dan penggunaan KSBTTR tidak disimpan oleh pegawai kenderaan.
PENYENGGARAAN KENDERAAN KERAJAAN SELAIN KERETA KONSESI	
45.	Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan tidak direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-4)
PENDAFTARAN ASET	
46.	Aset yang diterima bagi tahun 2020 iaitu sebuah Alat Pengesan Siaran Dekoder MYTV dan empat buah kerusi berangkai tidak dilabelkan Hak Milik Kerajaan.
47.	Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) telah dikemas kini pada 18/06/2020 tetapi belum lengkap di ruangan tanda tangan 'Disediakan Oleh' dan 'Disahkan Oleh' serta tidak dipamerkan.
48.	Semakan Audit mendapati Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) tidak dipamerkan di setiap lokasi.
49.	Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) disediakan satu (1) salinan sahaja iaitu yang dipamerkan di lokasi. Satu salinan lagi tidak disimpan oleh Pegawai Aset.
50.	Tiada Daftar Harta Modal (KEW.PA-3) disediakan bagi aset <i>Trancuteneous Bilirubinometer</i> .
PENGGUNAAN ASET	
51.	Satu (1) unit <i>Medical Air Compressor</i> (RM2,350.00) belum dipasang di Klinik

Bil.	ISU DITEMUI
	Pergigian. Aset telah diterima pada 2.1.2020 dan didaftarkan pada 23.1.2020.
52.	Kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Fasiliti bukan Borang Aduan Kerosakan Aset Alih (KEW.PA-10).
53.	Pergerakan aset tidak disenggara dalam Borang Pergerakan Aset (KEW.PA-9).
PENYIMPANAN ASET	
54.	<i>Medical Air Compressor</i> yang belum dipasang diletakkan di ruang legar Pejabat Pergigian.
55.	Aset yang masih dalam keadaan baik disimpan dalam stor tidak disusun baik.
PENYENGGARAAN ASET	
56.	Aset yang memerlukan penyenggaraan tidak disenaraikan dalam KEW.PA-14.
STOR	
57.	Ubat tidak disimpan sebagai stok di Klinik Pergigian. Klinik hanya mengeluarkan preskripsi ubat dan pesakit akan mengambil ubat di farmasi yang dikawal selia oleh Klinik Kesihatan.
58.	Pengeluaran stok ubat tidak dikemas kini dalam rekod.
59.	Pemeriksaan fizikal Audit mendapati 10 jenis ubat adalah berbeza di antara baki stok di Kad Petak dengan baki fizikal stok.
60.	Kad Daftar Stok (KEW.PS-3) dan Senarai Kad Daftar Stok (KEW.PS-4) tidak diselenggara.
61.	Penerima ubat tidak menandatangani Borang Pesanan Farmasi.

RUMUSAN

Hasil daripada Pemeriksaan Mengejut yang dilaksanakan pada tahun 2020 CAD mendapati pematuhan terhadap peraturan dan prosedur dari segi pengurusan borang dan kutipan hasil serta keselamatan semasa kutipan perlu dipertingkatkan.

SYOR AUDIT

- Memastikan perkara yang dibangkitkan, diambil tindakan pembetulan (*corrective*) serta pencegahan (*preventive*) dengan segera dan menyeluruh.
- Mempertingkatkan penyeliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai di bawah seliaan.
- Memberi latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan berkaitan.
- Sentiasa memberi penekanan terhadap kepentingan integriti bagi tugas yang diamanahkan.
- Melaksanakan pusingan tugas terutamanya tugas yang mempunyai risiko tinggi.

3.5 PENDAHULUAN

Pada tahun 2020, Cawangan Audit Dalam (CAD) telah melaksanakan empat (4) pengauditan khas dan satu (1) siasatan yang diarahkan oleh KSU/Menteri Kesihatan.

3.5.1 PENGAUDITAN KHAS

- i. Pengauditan Stok Sumbangan Orang Awam Untuk COVID-19 di Hospital Sungai Buloh.
- ii. Pengauditan Stok Sumbangan Orang Awam Untuk COVID-19 di Stor Pharmaniaga, Shah Alam.
- iii. Pengurusan Penyata Kewangan Di Majlis Perubatan Malaysia.
- iv. Pengurusan Bantuan Peralatan Perubatan Melalui PeKa B40 di Bawah Protecthealth Corporation Sdn.Bhd.

Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian serta pihak-pihak yang berkenaan.

Pengauditan khas terhadap Stok Sumbangan Orang Awam Untuk COVID19 di Hospital Sg Buloh dan di Stor Pharmaniaga, Shah Alam adalah bertujuan untuk mengesahkan stok sumbangan dari pelbagai agensi/ syarikat, individu/perseorangan dan Badan Bukan Kerajaan yang diterima dan diluluskan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaaan sebelum diagihkan kepada PTJ-PTJ yang terlibat. Verifikasi stok telah dilaksanakan secara harian/mingguan bagi menentusahkan baki di nota hantaran bersamaan dengan stok fizikal.

Pengauditan khas terhadap Penyata Kewangan Di Majlis Perubatan Malaysia pula dijalankan ekoran daripada Minit Mesyuarat SAGA Bil 1/2019 yang dipengerusikan oleh KSU. Pengauditan ini dijalankan adalah ekoran daripada Jabatan Audit Nergara telah mengeluarkan sijil '*adverse*' terhadap baki akhir di Penyata Kewangan yang tidak dapat ditentukan kesahihannya.

Cawangan Audit Dalam telah diarahkan oleh Menteri Kesihatan pada 26 Oktober 2020 untuk menjalankan pengauditan khas berhubung prestasi pelaksanaan aktiviti skim PeKa B40. Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan manfaat skim PeKa B40 khususnya pengurusan bantuan peralatan perubatan telah dilaksanakan dengan berekonomi, cekap dan berkesan. Pengurusan manfaat di bawah skim PeKa B40 dikendalikan oleh ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (PHCorp).

3.5.2 SIASATAN

Siasatan Terhadap Kehilangan Stok Kerajaan Di Hospital Kerajaan.

KSU telah melantik CAD sebagai Jawatankuasa Siasatan Kehilangan Stok Kerajaan di Bahagian Farmasi Hospital Putrajaya. Siasatan ini bertujuan mendapatkan bukti-bukti serta dokumen sokongan, temu bual dengan pegawai farmasi yang terlibat dan rumusan hasil siasatan CAD berhubung kecurian ubat. Laporan Akhir Kehilangan Stok Kerajaan telah dikemukakan kepada Urusetia Kehilangan Aset, Kementerian untuk dibuat kertas pertimbangan bagi persetujuan KSU.

3.2

**LAPORAN PENGAUDITAN
PRESTASI - AKTIVITI**

3.2.1 KAJIAN PRESTASI TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN REHABILITASI DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Jabatan Perubatan Rehabilitasi

Menyediakan perkhidmatan rehabilitasi kepada pesakit yang kurang upaya bagi meningkatkan kemahiran berdikari supaya fungsi dan tahap keupayaan fizikal, psikologi, sosial dan emosi dapat dikembalikan ke tahap asal atau sekurang-kurangnya ke tahap optimum.

Skop Pengauditan

Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.:

- Prestasi aktiviti
- Pengurusan aktiviti

Unit Di Bawah Jabatan Perubatan Rehabilitasi

- Unit Perubatan Rehab
- Unit Pemulihan Carakerja
- Unit Fisioterapi

RM275.02 juta

Peruntukan 2018 - 2019

RM276.74 juta

Perbelanjaan 2018 - 2019

3 PTJ

- Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR)
- Hospital Queen Elizabeth (HQE)
- Hospital Pulau Pinang

PENEMUAN AUDIT

a. Prestasi Aktiviti Rawatan Rehabilitasi

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perkhidmatan Klinikal Program Perubatan

- Prestasi pencapaian KPI di HTAR, HQE dan HPP bagi tahun 2017 hingga Julai 2019 telah berjaya dicapai kecuali lima (5) KPI iaitu empat (4) KPI di HTAR yang terdiri daripada dua (2) KPI di Unit Fisioterapi dan dua (2) KPI di Unit Cara Kerja. Selain itu, satu (1) KPI tidak tercapai di Unit Fisioterapi HQE dan HPP.

b. Pengurusan Aktiviti Rawatan Rehabilitasi

Kemudahan Fasiliti dan Peralatan Untuk Rawatan

- Kolam rawatan hidroterapi di HQE tidak beroperasi sejak bulan Januari 2019 dan dijangka akan dibuka semula pada bulan Mac 2020 disebabkan masalah teknikal. Tindakan penukaran lantai kolam yang disyorkan untuk ditukar kerana permukaannya mempunyai 'bubble effect' tidak dinyatakan.

Penggunaan Ruang Rawatan

- Kolam Hidroterapi di HTAR tidak beroperasi sejak tahun 2014 disebabkan masalah teknikal dan isu tikus.

c. Keperluan Peralatan Bagi Tujuan Rawatan

- Peralatan yang digunakan bagi tujuan rawatan adalah tidak mencukupi di mana dua (2) peralatan di HTAR dan tiga (3) peralatan di HPP dikongsi bersama wad/unit lain. Selain itu, 33 peralatan di HTAR, HQE dan HPP diperlukan kerana peralatan sedia ada telah usang/tidak boleh digunakan sepenuhnya dan memerlukan penggantian.

d. Pengurusan Perolehan

Bekalan Bukan Ubat Lewat Dibekal

- Bekalan bukan ubat lewat dibekalkan dengan tempoh kelewatan antara 5 hingga 151 hari melibatkan 80 (30.4%) daripada 261 sampel baucar bayaran pada tahun 2017 hingga 2019 di ketiga-tiga hospital yang diaudit keseluruhannya berjumlah RM 321,130.79.

Prestasi Pembekal Kurang Memuaskan

- Prestasi pembekal di HQE dan HPP adalah kurang memuaskan di mana syarikat berkenaan lewat membuat pembekalan dengan tempoh kelewatan antara 14 hingga 122 hari dengan jumlah perbekalan bernilai RM120,628.11.

a. Pengurusan Bayaran

- 83 sampel baucar bayaran di HPP bagi bekalan bukan ubat yang bernilai RM202,969.15 tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap iaitu salinan dokumen berkaitan kajian pasaran yang dibuat oleh pihak hospital.

b. Pengurusan Terimaan Tidak Teratur

Kadar Caj Tidak Mengikut Perintah Fi

- Kadar caj yang dikenakan kepada pesakit adalah tidak selaras dengan kadar caj yang telah ditetapkan di bawah Perintah Fi di HPP.

Kadar Caj Pendaftaran Pesakit Luar

- Berlaku perbezaan caj pendaftaran bagi kes *follow-up* di mana caj yang telah dikenakan kepada sebahagian pesakit di Unit Fisioterapi dan Unit Terapi Cara Kerja di HPP hanyalah RM1.00. Bagaimanapun, kadar caj pendaftaran yang dikenakan di HTAR dan HQE adalah sebanyak RM5.00.

c. Pengurusan Aset

Pendaftaran Aset

- Daftar aset tidak tidak diselenggarakan dengan lengkap di mana tiada catatan ruangan Nombor Casis/Siri Pembuat.

Pelupusan Aset

- Tindakan pelupusan bagi tujuh (7) peralatan perubatan di HTAR dan lapan (8) peralatan perubatan di HQE masih belum selesai sejak lapan (8) tahun yang lalu 2011.

Penyimpanan Peralatan Di Dalam Tindakan Pelupusan

- Tujuh (7) peralatan perubatan bernilai RM18,840 di Unit Fisioterapi, HTAR yang hendak dilupuskan disimpan di dalam tandas.

d. Pengurusan Stor

Rekod Baki Kad Daftar Stok (KEW.PS-3) Berbeza Dengan Baki Fizikal

- Baki rekod bagi 23 item stok di ketiga-tiga hospital adalah berbeza dengan dengan baki fizikal stok berkenaan.

Penyimpanan Stok Fizikal

- Penyimpanan stok tidak mematuhi tatacara penyimpanan yang berkuatkuasa di mana jarak susun atur stok di tingkat rak paling atas adalah kurang daripada 50 cm dan stok barang pakai buang ditempatkan bersama dengan barang linen.

Kawalan Keselamatan Stor

- Stor di Unit Fisioterapi, HPP tidak berkunci dan boleh diakses oleh pegawai selain daripada pegawai stor.

Kawalan Kebakaran

- Stor barang pakai buang di HTAR, HQE dan HPP tidak dilengkapi dengan sistem kawalan kebakaran antaranya alat pengesan asap (*smoke detector*) dan sistem semburan air kebakaran (*water sprinkler*).

RUMUSAN

a. Prestasi Aktiviti Rawatan

- Pengauditan ini merumuskan bahawa aktiviti rawatan rehabilitasi adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. Ini adalah berdasarkan kepada prestasi pencapaian KPI yang telah ditetapkan di mana terdapat sebilangannya yang tidak tercapai.

b. Pengurusan Rawatan Rehabilitasi

- Pengurusan rawatan rehabilitasi masih belum mencapai tahap kecekapan dan keberkesanan yang optimum. Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pengurusan aktiviti rawatan rehabilitasi dapat dipertingkatkan.

SYOR AUDIT

- Memastikan kemudahan fasiliti rawatan rehabilitasi selamat dan dapat digunakan secara optimum dengan membuat pemantauan secara berkala.
- Memastikan peralatan perubatan yang mencukupi disediakan agar rawatan dapat diberikan dengan lebih berkesan.
- Meningkatkan pemantauan terhadap pembekalan bahan guna habis agar pembekalan barang dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- Memastikan pembayaran dibuat dengan teratur dilengkapi dokumen sokongan dan caj rawatan dikenakan mengikut kadar yang ditetapkan bagi pengurusan terimaan.
- Memastikan pengurusan aset dan stor adalah teratur, rekod sentiasa dikemas kini bagi memudahkan pengesanan dan pelupusan serta disimpan di tempat yang selamat.

3.2.2 KAJIAN PRESTASI TERHADAP PENGURUSAN PELUPUSAN ASET ALIH (PERALATAN PERUBATAN) DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Pelupusan Aset Alih Kerajaan

Memastikan agensi Kerajaan tidak menyimpan Aset Alih yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan serta menjimatkan ruang simpanan/pejabat. Aset Alih yang dimiliki oleh Kementerian boleh dilupuskan dengan justifikasi bahawa aset tersebut tidak ekonomi dibaiki (*beyond economic repair*), usang, rosak dan tidak boleh digunakan, keupayaan Aset Alih tidak lagi di peringkat optimum, tiada alat ganti di pasaran, pembekal tidak lagi memberi khidmat sokongan, tidak lagi diperlukan oleh Jabatan, perubahan teknologi dan melebihi keperluan.

Skop Pengauditan

Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu bagi tempoh tahun 2018 hingga Jun 2020.:

- Prestasi aktiviti
- Pengurusan aktiviti

3 PTJ

- Hospital Taiping, Perak
- Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang
- Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan

PENEMUAN AUDIT

a. Permohonan Pelupusan

- Tempoh masa yang diambil dari permohonan pelupusan oleh pengguna sehingga permohonan pelupusan dikunci masuk ke dalam ASIS adalah sehingga 962 hari.
- Tempoh masa yang diambil dari BER 1 hingga BER 2 (bagi aset dengan nilai perolehan kurang RM5,000, adalah antara 13 hingga 659 hari);
- Bagi aset alih (peralatan perubatan) dengan nilai perolehan RM5,000 dan ke atas, tempoh masa yang diambil dari BER 1 hingga kelulusan pelupusan adalah antara 104 hingga 530 hari.
- Sejumlah 136 aset masih belum mendapat kelulusan pelupusan dan tempoh masa dari BER 1 sehingga 30 Jun 2020 adalah selama 47 hingga 896 hari; dan

- Pengesahan permohonan pelupusan tidak dapat dibuat bagi 81 aset di HoSHAS dan HPD.

b. Proses Pelupusan

- PEP bagi sejumlah 19 aset alih (peralatan perubatan) di HTPG dan HoSHAS yang telah tamat tempoh tetapi tindakan pelupusan bagi 18 aset daripadanya masih belum dimulakan. Selain itu, lapan (8) aset alih (peralatan perubatan) di HTPG dan HoSHAS lewat dilupuskan antara dua (2) hingga 238 hari dan tiada bukti permohonan serta kelulusan perlanjutan tempoh pelupusan telah dibuat.

c. Penggunaan Aset Alih (Peralatan Perubatan) Yang Hendak Dilupuskan

- Penggunaan 17 aset alih (peralatan perubatan) yang hendak dilupuskan walaupun status PEP yang dikeluarkan menyatakan aset tersebut tidak ekonomi dibaiki dan penggunaannya hendaklah dihentikan kerana tidak selamat digunakan lagi dan/atau mengalami kerosakan besar.

d. Pengurusan pembayaran *Biomedical Engineering Maintenance Service (BEMS)*.

- Sejumlah 129 aset alih (peralatan perubatan) yang dimohon pelupusan antara tahun 2018 hingga Jun 2020 serta tidak digunakan masih berstatus V3/V6 dengan jumlah bayaran bulanan RM38,379.98;
- Sejumlah 49 aset alih (peralatan perubatan) yang ditemui semasa lawatan Audit juga masih berstatus V1/V3/V6 dengan jumlah bayaran bulanan RM3,360;
- Kelemahan perancangan pengeluaran *Stop Notification Service* menyebabkan bayaran BEMS sejumlah RM345,954.82 dibuat. Jumlah tersebut merupakan potensi penjimatan yang boleh dibuat sekiranya perancangan yang teliti dibuat; dan
- Sejumlah 259 aset alih (peralatan perubatan) yang dimohon pelupusan sebelum tahun 2018 masih berstatus V1/V3/V6 dengan jumlah bayaran bulanan RM44,438.

e. Pengurusan Maklumat Aset

- Maklumat mengenai pelupusan bagi sejumlah enam (6) aset yang telah dilupuskan di HoSHAS tidak dikemaskini di dalam Sistem Pengurusan Aset.

f. Penyimpanan Aset Alih (Peralatan Perubatan) Yang Hendak Dilupuskan

- Pengurusan penyimpanan aset alih (peralatan perubatan) yang hendak dilupuskan adalah kurang teratur. Sejumlah 22 aset alih (peralatan perubatan) di HTPG tidak dijumpai. Aset alih (peralatan perubatan) yang hendak dilupuskan di HoSHAS dan HPD tidak disusun, diasingkan dan bercampur dengan peralatan fasiliti menyebabkan aset sukar untuk dikesan. Selain itu, ruang penyimpanan aset alih (peralatan perubatan) yang hendak dilupuskan di HoSHAS adalah kurang sesuai dan selamat.

g. Garis Panduan/Proses Kerja/Dasar Pelupusan Aset Alih (Peralatan Perubatan)

- Proses kerja pelupusan yang dinyatakan dalam garis panduan mempunyai jurang/gap yang menyumbang kepada kelemahan pelaksanaan proses pelupusan aset alih (peralatan perubatan).

h. Mekanisme Pemantauan

- Kelemahan pemantauan pengurusan pelupusan aset alih (peralatan perubatan) dimana isu-isu pelupusan tidak dibincangkan dengan terperinci bagi memastikan tindakan pembetulan/pencegahan dapat diambil dengan segera.

RUMUSAN

a. Prestasi Pelupusan Aset Alih (Peralatan Perubatan)

- Prestasi pelupusan aset alih (peralatan perubatan) di hospital yang diaudit adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Ini adalah berdasarkan kepada peratusan aset alih (peralatan perubatan) yang dilupuskan rendah iaitu antara 0%

hingga 63.6% berbanding permohonan. Peratusan pelupusan yang rendah menyebabkan *outcome* pelupusan iaitu untuk memastikan agensi Kerajaan tidak menyimpan aset alih yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan serta menjimatkan ruang simpanan/pejabat tidak tercapai.

b. Pengurusan Pelupusan Aset Alih (Peralatan Perubatan)

- Pengurusan pelupusan aset alih Kerajaan (peralatan perubatan) menilai pengurusan terhadap lapan (8) perkara iaitu proses permohonan, proses pelupusan, penggunaan aset alih (peralatan perubatan) yang hendak dilupuskan, pengurusan bayaran *Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS)*, pengurusan maklumat aset, penyimpanan aset alih (peralatan perubatan) yang hendak dilupuskan, garis panduan/proses kerja/dasar pelupusan aset alih (peralatan perubatan) dan mekanisme pemantauan mendapati pengurusan pelupusan aset alih Kerajaan (peralatan perubatan) masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum.

SYOR AUDIT

- Memastikan tempoh masa yang diambil bagi proses permohonan pelupusan diminimumkan agar aset alih (peralatan perubatan) yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan dapat dilupuskan dengan segera;
- Memastikan proses pelupusan dibuat dengan teratur mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebarang kelewatan pelupusan hendaklah dimohon kelulusan perlanjutan tempoh pelupusan;
- Memastikan penggunaan aset alih (peralatan perubatan) yang telah disahkan tidak selamat digunakan dihentikan bagi mengelakkan sebarang risiko berbangkit dari penggunaannya;
- Mempertingkatkan kawalan dalaman dalam proses kerja pembayaran BEMS. Bayaran BEMS bagi aset yang hendak dilupuskan dan tidak digunakan hendaklah dihentikan bagi mengelakkan perbelanjaan sia-sia dibuat oleh hospital. Selain itu, perancangan yang teliti hendaklah dibuat bagi meminimumkan tempoh masa antara BER 2/PEP dan SNF dikeluarkan agar bayaran fi bulanan dapat dijimatkan;

- Pengemaskinian data di dalam ASIS di setiap peringkat pelupusan dan *variation status asset* hendaklah dibuat bagi memastikan ia menggambarkan keadaan sebenar;
- Memastikan aset alih (peralatan perubatan) disimpan di tempat yang sesuai dan selamat. Selain itu, aset alih (peralatan perubatan) juga hendaklah diasingkan dan disusun dengan baik bagi memudahkan pengesanan aset;
- Mengkaji semula dan menambah baik garis panduan dan proses kerja serta dasar berkaitan pelupusan aset alih (peralatan perubatan) yang sedia ada agar lebih komprehensif. Jurang/gap atau kelemahan yang wujud dalam proses/amalan semasa di kenal pasti dan ditambah baik; dan
- Menambah baik mekanisme pemantauan pengurusan pelupusan aset alih (peralatan perubatan) bagi memastikan sebarang isu yang timbul dibincangkan dan diambil tindakan pembedahan/pencegahan dengan segera

3.2.3 KAJIAN PRESTASI TERHADAP PENGURUSAN BARANGAN RAMPASAN/EKSHIBIT DI PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Pengurusan Barangan Rampasan/Ekshibit

- Bagi memastikan semua keluaran farmaseutikal dan produk penjagaan kesihatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, selamat dan berkesan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan iklan ubat dan perkhidmatan perubatan mematuhi akta/peraturan yang dikuatkuasakan serta meningkatkan kesedaran pengguna ke atas penggunaan ubat yang berdaftar.

Skop Pengauditan

- **Prestasi Pengurusan**
 - Bilangan serbuan.
 - Bilangan jenis barangan.
 - Jumlah nilai rampasan barangan
- **Pengurusan Barangan Rampasan/Ekshibit**
 - Prosedur penguatkuasaan.
 - Penyemakan kertas siasatan
 - Penyimpanan
 - Pelupusan barangan rampasan/ekshibit

Tahun
2017-2019

4,224

- Serbuan

70,613

- Jenis Barangan Rampasan

RM148.41 Juta

- Nilai Rampasan

3 PTJ

- Cawangan Penguatkuasa Farmasi Selangor
- Farmasi Penguatkuasa Farmasi Sarawak
- Farmasi Penguatkuasa Farmasi Johor

PENEMUAN AUDIT

Pengurusan Perolehan Barangan Rampasan/Ekshibit

- Barangan rampasan/ekshibit tidak disimpan dengan segera selepas operasi serbuan, prosiding mahkamah dan analisa oleh Jabatan Kimia dilaksanakan.
- Daftar Pergerakan Ekshibit tidak diselenggara dengan lengkap.
- Daftar pergerakan masuk dan keluar pegawai ke stor tidak diselenggara dengan lengkap.
- Proses pelupusan tanpa penyaksian.
- Pengesahan tidak dilakukan terhadap timbangan berat barangan rampasan/ekshibit.
- Sijil Pemusnahan Barang Rampasan/Ekshibit ditandatangani oleh pegawai yang sama.
- Pengurusan stor penyimpanan ekshibit kurang memuaskan.

RUMUSAN

- Secara keseluruhannya aktiviti prestasi pengurusan barangan rampasan/ekshibit adalah memuaskan dan boleh dipertingkatkan. Ini adalah berdasarkan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan melalui operasi serbuan yang dilakukan.

SYOR AUDIT

- CPF perlu memastikan barangan rampasan/ekshibit perlu disimpan segera setiap kali selepas serbuan dan proses siasatan.
- CPF perlu memastikan prosedur pelupusan dipatuhi seperti mana garis panduan/peraturan yang ditetapkan.
- CPF perlu memastikan pengurusan stor barangan rampasan/ekshibit dipatuhi dari segi penyimpanan dan keselamatan.

3.2.4 KAJIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN JABATAN RADIOTERAPI DAN ONKOLOGI DI INSTITUT KANSER NEGARA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Jabatan Radioterapi Dan Onkologi


Menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dalam pemberian rawatan radioterapi dan kimoterapi dengan menggunakan kepakaran dan teknologi yang terkini.

Skop Pengauditan

Pengauditan meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020:

- Prestasi
- Pengurusan aktiviti

Perkhidmatan Radioterapi



1 PTJ – JABATAN RADIOTERAPI DAN ONKOLOGI
INSTITUT KANSER NEGARA

PENEMUAN AUDIT

a. Pencapaian Prestasi Kewangan

Pencapaian Kutipan Hasil Institut Kanser Negara

- Dari segi prestasi kutipan hasil di IKN, didapati IKN mempunyai Akaun Belum Terima (ABT) berjumlah RM873,348.50 melibatkan seramai 5,950 orang pesakit. Manakala jumlah cek tak laku pula, berjumlah RM9,500.

b. Pencapaian *Output* Dan *Outcome*

Pencapaian *Key Performance Indicator*

- Secara keseluruhannya, prestasi aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan RTO adalah memuaskan. Berdasarkan prestasi pencapaian KPI berbanding sasaran ditetapkan, hanya satu (1) KPI yang tidak tercapai sepenuhnya. Faktor pesakit yang menjalani rawatan yang kompleks, kekangan guna tenaga serta beban tugas serta kegagalan peralatan perubatan berfungsi dengan baik.

c. Pengurusan Peralatan Perubatan Di Jabatan Radioterapi Dan Onkologi

Kontrak Baharu Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) IKN Belum Ditandatangani

- Kontrak baharu Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di IKN yang meliputi tiga (3) tahun tempoh perjanjian bermula 1 September 2019 hingga 31 Ogos 2022 masih belum ditandatangani sehingga ke tarikh pengauditan. Kontrak baharu ini menggantikan kontrak yang tamat tempoh pada tahun 2019.

Aksesori Perubatan

- Aksesori perubatan digunakan yang menjangkau usia tujuh (7) hingga lapan tahun (8), ada antaranya didapati rosak dan tidak dapat digantikan kerana kekangan peruntukan.

Peralatan Perubatan Tidak Digunakan

- Terdapat dua (2) peralatan iaitu Total Body Irradiation dan Blood Pressure Monitor (Sphygmomanometer) yang masing-masing bernilai RM14,500 dan RM505 tidak digunakan. Peralatan Total Body Irradiation (TBI) Perspex Spoiler ini tidak digunakan kerana rawatan kanser menggunakan peralatan ini belum dilaksanakan di IKN, sebaliknya ianya dilaksanakan di Hospital Kuala Lumpur.

Aset Tidak Dilabel Dengan Tanda Pengenalan 'Hak Kerajaan Malaysia' dan Nombor Siri Pendaftaran

- Terdapat 15 peralatan perubatan bernilai RM295,0257 tidak dilabelkan dengan tanda pengenalan 'Hak Kerajaan Malaysia' beserta dengan nombor siri pendaftaran. Aset yang tidak dilabelkan boleh menyebabkan berlaku risiko kehilangan dan kecurian aset. Pemantauan yang menyeluruh juga sukar dilaksanakan apabila verifikasi aset tahunan dijalankan.

RUMUSAN

- Secara keseluruhannya, pengurusan Jabatan RTO adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu ditambahbaik seperti berikut:

SYOR AUDIT

- Memastikan kontrak perkhidmatan sokongan hospital di IKN ditandatangani mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa agar kepentingan Kerajaan terpelihara;
- Memastikan penggantian keperluan aksesori yang rosak dilakukan supaya perkhidmatan rawatan perubatan tidak terjejas; dan
- Memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan aset dipertingkatkan dengan memberi latihan secara komprehensif dari semasa ke semasa.

3.3

**LAPORAN PENGAUDITAN
PRESTASI - PEROLEHAN**

3.3.1 KAJIAN PRESTASI TERHADAP PENGURUSAN BOT AMBULANS KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Perkhidmatan Bot Ambulans

- Untuk menyediakan perkhidmatan ambulans kepada pelanggan yang memerlukan rawatan kecemasan dengan cepat, cekap dan berkesan.
- Untuk menghantar kes-kes kecemasan yang dirujuk dari klinik kesihatan ke hospital bagi rawatan lanjut.

Skop Pengauditan

- Pengauditan melibatkan penilaian menyediakan perkhidmatan bot ambulans kepada pelanggan yang memerlukan rawatan kecemasan dan menghantar kes-kes kecemasan yang dirujuk dari klinik kesihatan ke hospital untuk rawatan lanjut.
- Bagi prestasi aktiviti dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian *output* dan *outcome*. Pengurusan aktiviti pula meliputi lima (5) perkara iaitu proses perolehan, penggunaan, pembayaran, perjawatan dan pemantauan.

6 PTJ

PKD Yang Dilawati

- PKD Klang, Selangor
- PKD Kuala Nerus, Terengganu
- PKD Semporna, Sabah

Klinik Kesihatan Yang Dilawati

- KK Pulau Ketam
- KK Pulau Redang
- KK Pulau Bum-Bum

PENEMUAN AUDIT

a. Tahap penggunaan bot ambulans masih belum mencapai tahap optimum

- Seramai 933 pesakit yang dirujuk ke hospital untuk kes-kes kecemasan hanya 351 (37.6%) pesakit dihantar menggunakan bot ambulans dan bakinya seramai 582 (62.4%) pesakit menggunakan perkhidmatan bot penambang/orang kampung.

b. Aspek pengurusan aktiviti bot ambulans masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum.

- Garis Panduan/*Standard Operating Prosedur* (SOP) tidak disediakan bagi pengurusan bot ambulans antaranya melibatkan urusan bagi mengiring pesakit, pengurusan buku log, penggunaan dan pengiraan minyak serta prosedur penggunaan bot ambulans.

- Kelemahan dalam pengurusan pentadbiran kontrak terutamanya yang melibatkan proses perolehan, semakan kontrak oleh Penasihat Undang-Undang (PUU), bon pelaksanaan dan keperluan dokumen kontrak.
- Ketidakteraturan Daftar Penggunaan Bot Ambulans di setiap PKD.
- Berlakunya *improper payment* bagi perjalanan yang tidak dilakukan berjumlah RM620, maklumat palsu bagi tujuan penyelesaian pembayaran berjumlah RM3,640 dan lebih pembayaran berjumlah RM3,150 berhubung penggunaan bot ambulans.
- Pemeriksaan dan penilaian aset tidak dilakukan oleh pegawai teknikal.
- Dua (2) unit enjin bot bernilai RM121,500 dibeli namun tidak digunakan melebihi empat (4) tahun (1,684 hari).
- Kekosongan perjawatan pemandu bot tidak diisi dengan segera dan menjejaskan kelancaran operasi harian bot ambulans.

RUMUSAN

a. Prestasi Aktiviti

- Pengauditan ini merumuskan bahawa prestasi aktiviti pengurusan bot ambulans perlu dipertingkatkan bagi menyediakan perkhidmatan ambulans dan menghantar kes-kes kecemasan yang dirujuk dari klinik kesihatan ke hospital untuk rawatan lanjut.

b. Pengurusan Aktiviti

- Secara keseluruhannya, pengurusan aktiviti bot ambulans masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum. Namun demikian, masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan dalam meningkatkan pengurusan bot ambulans.

SYOR AUDIT

- PKD perlu memastikan penggunaan bot ambulans mencapai tahap penggunaan yang optimum.
- KKM perlu menyediakan sasaran tahunan berasaskan data penggunaan bot ambulans terdahulu sebagai asas dan menetapkan sasaran prestasi untuk dicapai bagi memastikan *outcome* perkhidmatan dinilai dan tercapai.
- KKM perlu mengkaji risiko penggunaan bot penambang/orang kampung bagi menghantar pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan ke hospital.

- KKM perlu meletakkan keutamaan menyediakan Garis Panduan/*SOP* yang menyeluruh berhubung pengurusan bot ambulans bagi memastikan bot ambulans dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.
- Garis Panduan/*SOP* yang dibangunkan hendaklah dibudaya dalam pelaksanaan harian aktiviti perkhidmatan ini bagi memastikan wujudnya budaya kerja yang sistematik dan berkesan. Kegagalan membudayakan tugas aktiviti ini menyebabkan fokus penyampaian aktiviti tersasar dan kemungkinan wujudnya lain-lain risiko.
- KKM perlu menyediakan Pengurusan Risiko Operasi (*Operational Risk Management*) kerana pelbagai risiko wujud dalam operasi kapal kecil. Kemungkinan berlakunya kemalangan dan kecederaan boleh berlaku pada bila-bila masa. *Operational Risk Management* dirancang untuk membantu paramedik dan pegawai kemudi kapal menilai risiko yang terlibat dalam operasi, menilai akibat sekiranya berlaku sesuatu yang tidak memberi *outcome*, dan mengurangkan setiap risiko yang dikenal pasti.
- PKD hendaklah membudayakan pematuhan terhadap peraturan Kerajaan dan memastikan pembayaran dilakukan dengan tepat berdasarkan penggunaan sebenar.
- Merancang keperluan sebenar perolehan dan memastikan tiada pembaziran dalam perolehan Kerajaan. Keperluan peralatan dalam bot ambulans juga perlu dikaji bagi memastikan pelbagai kelengkapan yang diperlukan dalam menguruskan pesakit kecemasan ada disediakan.
- JKN/PKD hendaklah memastikan kekosongan perjawatan diisi dengan segera berdasarkan waran perjawatan yang telah diterima bagi memastikan pengurusan bot ambulans berjalan dengan lancar dan teratur. Sumber manusia adalah kapasiti utama yang perlu ada bagi memastikan aktiviti dapat dilaksanakan dengan baik.

3.3.2 KAJIAN PRESTASI TERHADAP PENYENGGARAAN KUARTERS DI PEJABAT KESIHATAN DAERAH, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Penyediaan Kuarters Di Pejabat Kesihatan Daerah

- Meningkatkan kebajikan dan kemudahan tempat tinggal anggota dan kakitangan KKM.
- Memberikan kemudahan kepada anggota dan kakitangan supaya tugas tanggungjawab rasmi dapat dilaksanakan dengan baik dan cekap dengan mudah pada bila-bila masa sekiranya diperlukan.

Skop Pengauditan

- Prestasi Senggaraan
 - Prestasi *Output*
 - Pencapaian *Outcome*
- Pengurusan Senggaraan
 - Pengurusan kewangan
 - Pengurusan perolehan
 - Penyenggaraan
 - Pelaksanaan penyenggaraan
 - Pemantauan

3 PTJ

- **Pejabat Kesihatan Daerah Sepang, Selangor**
 - Klinik Kesihatan Salak
 - Klinik Kesihatan Sungai Pelek
 - Klinik Kesihatan Dengkil
 - Klinik Desa Sungai Merab Luar
 - Klinik Desa Desa Putra
 - Klinik Desa Pulau Meranti
- **Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan, Sarawak**
 - Klinik Kesihatan Mentu
 - Klinik Ibu Dan Anak Simunjan
 - Klinik Kesihatan Sambir
 - Klinik Kesihatan Gedong
 - Klinik Kesihatan Sebangon
 - Klinik Kesihatan Sadong Jaya
- **Pejabat Kesihatan Daerah Jerantut, Pahang**
 - Klinik Desa Gusai
 - Klinik Desa Mat Daling
 - Klinik Kesihatan Kg. Bantal
 - Klinik Desa Baru
 - Klinik Desa Batu Balai
 - Klinik Desa Ulu Cheka
 - Klinik Kesihatan Damak
 - Klinik Kesihatan Kuala Tembeling
 - Klinik Kesihatan Sungai Lekok

PENEMUAN AUDIT

a. Prestasi Pengurusan Kuarters

Prestasi Output

- **Pengisian Kuarters**
 - Sehingga bulan Januari 2020, daripada 343 unit kuarters bagi 3 PKD/PKB yang dilawati mendapati sebanyak 264 unit (77%) diduduki manakala 79 unit (23%) masih kosong dan sebahagiannya mengalami kerosakan.
- **Peruntukan Mengurus Senggaraan Kuarters**
 - Peruntukan mengurus di bawah kod objek penyenggaraan dan pembaikan kecil (OS 28000) berjumlah RM874,640 bagi tahun 2017, RM991,511.46 bagi tahun 2018 dan RM1,143,648.08 bagi tahun 2019. Daripada jumlah peruntukan mengurus tersebut, peratus peruntukan yang digunakan untuk penyenggaraan kuarters (OS 28102) bagi tahun 2017 hingga 2019 oleh ketiga-tiga PKD/PKB adalah antara 0.9% hingga 6.4% sahaja.
- **Peruntukan Khas Projek Naik Taraf, Ubah Suai Dan Pembaikan**
 - Pada tahun 2018 dan 2019, PKD Sepang, PKD Jerantut dan PKB Samarahan telah menerima peruntukan BP00600 untuk projek menaik taraf, ubah suai dan pembaikan kuarters. Semakan Audit juga mendapati peruntukan BP00600 tersebut telah dibelanjakan dengan sepenuhnya

Pencapaian Outcome

- **Tiada Penyenggaraan Pencegahan Dan Pemulihan Disediakan**
 - Penyenggaraan berjadual/berkala dan pelan operasi secara keseluruhan terhadap kuarters tidak disediakan di PKD Sepang, PKD Jerantut dan PKB Samarahan. Selain itu, kawalan serangga perosak secara berjadual tidak dijalankan secara menyeluruh di semua kuarters yang dilawati khususnya kuarters yang dibina daripada kayu yang sememangnya memerlukan penjagaan rapi. Keadaan ini menyebabkan dinding kayu menjadi mudah reput, rosak dan usang.
- **Keadaan Kuarters Yang Rosak Dan Usang**
 - Kuarters tersebut mengalami kerosakan yang teruk seperti kerosakan dalaman kuarters, struktur bangunan rumah yang tidak selamat diduduki, kerosakan sistem pembentungan dan sistem perpaipan. Ini kerana kerja-kerja baik pulih dan

penyenggaraan hanya dilakukan secara *ad hoc* atau setelah mendapat aduan daripada penghuni.

- **Persekitaran Kwarters**

- **Kebersihan Kwarters Yang Tidak Diduduki Kurang Memuaskan**

- Penghuni yang telah berpindah keluar dari kwarters telah meninggalkan kwarters dalam keadaan yang tidak terurus dan bersepah. Keadaan ini berlaku kerana tiada pemantauan dan tindakan diambil oleh pihak pengurusan terhadap perkara tersebut.
- Kwarters yang rosak dan terbiar kosong juga mendapati kwarters tersebut telah dijadikan tempat simpanan barang-barang lupus, rosak dan tidak digunakan lagi.

- **Persekitaran Kwarters Yang Berpenghuni Tidak Bersih**

- Terdapat kawasan persekitaran kwarters tidak diurus dengan baik seperti keadaan rumput yang panjang dan semak samun, longkang tersumbat, sampah sarap dan barang-barang terbuang ditinggalkan di sekitar kwarters. Keadaan ini boleh menjejaskan imej Jabatan di samping mengundang kepada penularan wabak penyakit serta membahayakan penghuni dengan ancaman binatang liar dan berbisa.

- **Larangan Memelihara Haiwan Di Kawasan Kwarters**

- Terdapat juga penghuni di kwarters PKD Jerantut dan PKB Samarahan memelihara haiwan seperti burung dan ayam di kawasan kwarters.

- **Keselamatan Penghuni Kwarters-Pagar Roboh Dan Rosak Serta Lampu Jalan Tidak Dibaiki**

- Terdapat pagar-pagar yang disediakan telah roboh dan mengalami kerosakan. Keadaan ini boleh menyebabkan pihak luar menceroboh masuk dan ancaman kepada binatang buas yang boleh mengancam keselamatan penghuni kwarters.
- Keadaan lampu jalan yang membahayakan keselamatan penghuni kwarters juga tidak dibaiki.

b. Pengurusan Kuarters

Surat Perjanjian Kemasukan Kuarters Tidak Disediakan

- 45 penghuni (17%) di PKD Sepang daripada 264 sampel rekod penghuni dari tiga (3) PKD/PKB tidak mempunyai Surat Perjanjian Menduduki Rumah Kerajaan kerana dokumen tersebut tidak dikemukakan untuk pengauditan.

Deposit Kemasukan Kuarters Tidak Dikutip

- 13 penghuni di PKD Sepang daripada 264 sampel penghuni yang menduduki kuarters di tiga (3) PKD/PKB masih belum menjelaskan deposit bernilai RM2,950.

Imbuan Tetap Perumahan (ITP) dan Bayaran Perumahan Khas (BPK) Terlebih Bayar

- Tujuh (7) penghuni yang menduduki kuarters telah menerima ITP terlebih bayar sejumlah RM3,877.19 di PKD Jerantut dan PKB Samarahan.

Bantuan Sara Hidup (BSH) Terlebih Bayar


- Lima (5) pegawai yang diperuntukkan kuarters di PKD Jerantut telah menerima BSH terlebih bayar berjumlah RM1,116.91.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, pengurusan senggaraan kuarters di PKD/PKB KKM adalah kurang cekap. Ini kerana wujud kelemahan dalam aspek pengurusan kewangan dan tiada peruntukan senggaraan yang khusus untuk senggaraan kuarters.

SYOR AUDIT

- Menyediakan garis panduan yang komprehensif, polisi/prosedur pengurusan diguna pakai secara seragam, menyedia/memuktamadkan perjanjian penyewaan dan menyelenggara *data base*/rekod kuarters dengan lengkap dan kemas kini;
- Mengkaji semula keperluan peruntukan kewangan berkaitan penyenggaraan kuarters demi keselesaan dan kebajikan penghuni kuarters;
- Penghuni kuarters hendaklah bertanggungjawab menyemak Slip Gaji masing-masing dan memaklumkan kepada Unit Kewangan sekiranya terdapat sebarang kesilapan/bayaran yang tidak tepat supaya tindakan pembetulan dapat diambil dengan segera bagi mengelakkan tunggakan terlebih/terkurang bayar;

- 
- Mengambil tindakan segera terhadap isu keselamatan yang melibatkan kuarters yang tidak selamat diduduki, terbiar dan kuarters yang perlu dilupuskan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku di samping memastikan keselesaan penghuni kuarters sentiasa terjamin; dan
 - Memastikan penghuni kuarters mematuhi peraturan yang ditetapkan dan kuarters sentiasa berada dalam keadaan kondusif, selamat, bersih dan terurus.

3.3.3 KAJIAN PRESTASI TERHADAP PERKHIDMATAN RADIOLOGI DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif

Menyediakan khidmat sokongan klinikal dengan menghasilkan radiograf yang bermutu diagnostik, melakukan prosedur-prosedur intervensi diagnostik dan terapeutik serta memberi laporan yang tepat dan cepat ke atas pemeriksaan Radiologi.

14 Hospital

Perkhidmatan Radiologi menggunakan sistem sepenuhnya (*IT Hospitals*)

126 Hospital

Perkhidmatan Radiologi secara manual (*Non-IT Hospitals*)

Jenis Perkhidmatan Radiologi

- *General Radiography*
- *Mammography*
- *Interventional Radiology*
- *Ultrasonography*
- *Computed Tomography (CT)*
- *Forensic Radiology*
- *Intravenous Urography (IVU)*
- *Magnetic Resonance Imaging (MRI)*
- *Bone Densitometry*
- *Fluoroscopy*
- *Angiography*
- *Radiology Consultation*
- *Peripheral Radiology*

3 PTJ

- Hospital Tapah, Perak
- Hospital Duchess Of Kent, Sandakan, Sabah
- Hospital Kulim, Kedah

PENEMUAN AUDIT

a. Prestasi Perkhidmatan Radiologi

Key Performance Indicator (KPI)/Standard Tidak Tercaapai

- **Dos Pesakit Melebihi Aras Rujukan Diagnostik Malaysia (DRL) Yang Ditetapkan**
 - Pada tahun 2019, 10 daripada 12 bulan menunjukkan HDOK tidak mencapai standard yang ditetapkan QAP iaitu di antara 30% hingga 100%.

- **Peratus Penolakan Dan Pengambilan Semula Filem/Imej Mammografi Melebihi KPI/Standard Yang Ditetapkan**
 - Peratus penolakan dan pengambilan semula filem/imej tidak mencapai KPI/standard di HDOK bagi bulan Ogos hingga Disember 2018 di antara 4.7% hingga 11.47% manakala bagi tahun 2019 pula, di antara 4.8% hingga 20.4%.
- **Masa Menunggu Melebihi KPI/Standard Yang Ditetapkan**
 - Masa menunggu di Hospital Kulim bagi pemeriksaan ultrasound (≤ 60 minit) tidak mencapai peratus KPI/standard yang ditetapkan ($\geq 90\%$) pada tahun 2018 sehingga Mac 2019.

b. Pengurusan Perkhidmatan Radiologi

Prestasi Kewangan

- Secara keseluruhan prestasi kewangan berdasarkan data peruntukan dan perbelanjaan setakat bulan Disember 2019 bagi hospital yang dilawati adalah baik.

KPI Tidak Seragam

- KPI yang ditetapkan berkaitan kadar peratusan penolakan radiografi am adalah berbeza di antara Pindaan Bagi Manual Pelaksanaan Program Jaminan Kualiti (QAP) oleh Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRPP) dan Prosedur Operasi Standard Radiografi Am oleh Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB).
- Penetapan KPI di Hospital Tapah dan HDOK adalah tidak selaras dengan QAP yang telah ditetapkan.

Sijil Pendaftaran Tiada Dalam Simpanan Hospital

- Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada HDOK dan Hospital Kulim ada menyimpan salinan Sijil Pendaftaran kerana dokumen tersebut gagal dikemukakan semasa pengauditan dijalankan.

Audit On The Quality Of Radiograph Tidak Dilaksanakan

- Pihak Audit tidak dapat memastikan *Audit On The Quality Of Radiograph* dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan QAP di Hospital Tapah kerana tiada bukti dikemukakan.

Tindakan Pembaikan Oleh Konsesi Lewat Diambil Terhadap Aduan Kerosakan Aset

- Seunit X-Ray Film Processor Konica SRX-201 di Hospital Tapah mengalami kerosakan dan sedang dalam tindakan pihak konsesi. Aduan kerosakan telah dibuat oleh pegawai di Unit Radiologi bertarikh 18 Oktober 2019 namun aset tersebut masih belum dibaiki semasa pemeriksaan Audit pada 15 Januari 2020.
- Seunit mesin ultrasound di Hospital Kulim mengalami kerosakan dan sedang dalam tindakan pihak konsesi. Aduan kerosakan telah dibuat bertarikh 20 November 2019 dan aset tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Radiologi setelah dibaiki pada 25 November 2019. Bagaimanapun, aduan kerosakan sekali lagi dibuat pada 28 November 2019 kerana aset tersebut mengalami kerosakan. Pemeriksaan fizikal Audit pada 25 Februari 2020 mendapati aset tersebut masih belum dibaiki setelah tempoh 89 hari daripada tarikh aduan dibuat dan diletakkan di ruangan pejabat syarikat konsesi.
- Seunit *mobile radiography* diletakkan di tepi pintu bilik rawatan di Hospital Kulim. Temubual dengan pegawai bertanggungjawab menyatakan aset tersebut telah rosak dan aduan mengenainya telah dibuat sejak tahun 2019. Bagaimanapun pihak Audit dimaklumkan bahawa sehingga tarikh pengauditan pada 25 Februari 2020, tindakan pembaikan belum diambil oleh syarikat konsesi.

Penalti Tidak/Kurang Dikenakan Bagi Kelewatan Pembaikan Aset

- Tempoh kelewatan pembaikan aset di HDOK adalah di antara 23 hari hingga 208 hari dengan jumlah penalti yang tidak/kurang dikenakan adalah berjumlah RM36,040.
- Tempoh kelewatan di Hospital Kulim adalah di antara 3 hari hingga 81 hari dengan jumlah penalti yang tidak dikenakan adalah berjumlah RM24,600.

Work Order Belum Selesai Tetapi Tidak Direkod Dalam Mapping Report

- Terdapat 10 *work order* di HDOK bagi tahun 2017 hingga 2019 yang masih belum selesai tidak diambil kira di dalam *Mapping Report* bulan berikutnya. *Work order* yang masih belum selesai sepatutnya dinyatakan di dalam *Mapping Report* yang disediakan setiap bulan bagi tujuan pengiraan penalti.

Data Tidak Tepat Di Dalam ASIS

- Didapati *Work Completion Date* yang dicatatkan pada sesalinan *work order* adalah berbeza dengan tarikh yang dikunci masuk dalam ASIS. Kesilapan mengunci masuk *Work Completion Date* ke dalam ASIS menyebabkan perbezaan tempoh kelewatan sebanyak 55 hari dan seterusnya menyebabkan penalti telah terkurang dikenakan berjumlah RM5,500.

Ujian Kawalan Kualiti Terhadap Radas Penyinaran Tidak Dilaksanakan

- Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada ujian QC dilaksanakan secara berkala atau sebaliknya di HDOK bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019. Ini adalah kerana dokumen berkaitan Ujian QC tidak dikemukakan dengan lengkap semasa pengauditan dijalankan.

Aset Tidak Digunakan

- Dua (2) mesin pencetak bagi perkhidmatan ultrasound iaitu *Fujifilm Drypix 7000 Images Intelligence* dan *Fujifilm Drypix 4000 Images Intelligence* yang masing-masing bernilai RM60,000 di HDOK tidak lagi digunakan. Aset tersebut tidak digunakan sejak tahun 2018 kerana kekurangan bajet bagi pembelian filem.
- Seunit *laser imager* yang merupakan aksesori bagi mesin *ultrasound* yang dibeli dengan harga perolehan RM249,980.00 pada tahun 2010 di Unit Obstetrik dan Ginekologi (O&G), Hospital Kulim tidak digunakan kerana tiada keperluan untuk menggunakannya di unit tersebut.

Aset Tidak Didaftar/Dilabel

- Pemeriksaan fizikal Audit di Jabatan Radiologi Hospital Kulim mendapati satu (1) peralatan tidak didaftarkan sejak perolehan dibuat iaitu pada tahun 1996 dan empat (4) aset tidak dilabel dengan No. Siri Pendaftaran.

Tindakan Belum Diambil Terhadap Aset Tidak Digunakan

- Beberapa aset Radiologi yang tidak digunakan masih berada di *dark room* dan tindakan selanjutnya belum diambil terhadap aset-aset tersebut.

Item Tidak Berkaitan Diletakkan Di Bilik Rawatan

- Pemeriksaan fizikal Audit pada 29 Januari 2020 di HDOK mendapati item tidak berkaitan diletakkan di bilik rawatan kerana kekangan tempat penyimpanan.
- Pemeriksaan fizikal di Hospital Kulim pada 25 Februari 2020 mendapati item tidak berkaitan diletakkan di bilik rawatan kerana ianya merupakan kotak bagi item yang diganti oleh pihak konsesi dan ditinggalkan di bilik rawatan.

Pengurusan Bon Pelaksanaan Tidak Teratur

- **Bon Pelaksanaan Tidak Didaftar Dan Tidak Disimpan Di Tempat Selamat**
Bon pelaksanaan bagi sebut harga di Hospital Kulim tidak didaftarkan dan tidak disimpan di tempat yang selamat sebaliknya hanya disimpan dalam fail sebut harga berkaitan di Unit Stor Farmasi.
- **Pengesahan Bon Pelaksanaan Tidak Dibuat**
Tiada bukti pengesahan dibuat oleh Hospital Kulim terhadap dua (2) bon pelaksanaan yang dikemukakan.
- **Amaun Bon Pelaksanaan Tidak Tepat**
Nilai bon pelaksanaan bagi kontrak perkhidmatan membekal *DVB Dryview Laser Imaging Film 35 x 43 cm (14' x 17')* di Hospital Kulim adalah tidak tepat kerana tidak dikira mengikut anggaran kontrak setahun.
- **Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan Tidak Meliputi Tempoh Yang Ditetapkan**
Tempoh sah laku jaminan bagi bon pelaksanaan di Hospital Kulim tidak meliputi sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian sebagaimana yang ditetapkan.

Pemeriksaan Kesihatan Tidak Dilaksanakan Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan

- Terdapat Juru X-Ray di Hospital Tapah, HDOK dan Hospital Kulim tidak melaksanakan pemeriksaan kesihatan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Continuous Medical Education (CME) Pegawai Tidak Mencukupi

- Kehadiran *CME* bagi tahun 2017 di Hospital Kulim tidak dapat dipastikan kerana tidak direkod dengan lengkap dan kemas kini.
- Tiada bukti menunjukkan dua (2) daripada tiga (3) *radiographer* di Jabatan Radiologi Hospital Tapah menghadiri *CME* sekurang-kurangnya 4 jam setahun masing-masing bagi tahun 2017 dan 2018.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, pengurusan perkhidmatan Radiologi adalah kurang memuaskan. Prestasi dan pengurusan perkhidmatan Radiologi dapat dipertingkatkan melalui pelaksanaan perkhidmatan yang lebih teratur, efisien dan efektif serta pemantauan oleh pihak pengurusan hospital.

SYOR AUDIT

Bagi memastikan perkhidmatan Radiologi dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan agar KKM/hospital mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- Penetapan KPI/standard yang seragam di peringkat IPKKM;
- Semua hospital menggunakan KPI/standard yang terkini;
- Memastikan pelaksanaan perkhidmatan oleh syarikat konsesi selaras dengan Perjanjian yang ditandatangani;
- Tindakan penambahbaikan/proaktif diambil terhadap pengurusan aset; dan
- Pemantauan secara menyeluruh dilaksanakan terhadap pengurusan perkhidmatan Radiologi.

3.3.4 KAJIAN PRESTASI TERHADAP PENGURUSAN PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN SECARA *IN-HOUSE* DI HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

OBJEKTIF

Perkhidmatan makanan dilaksanakan secara professional, selamat, berkualiti dan efektif

RM510,520,903

Nilai perolehan secara tender/sebut harga yang masih berkuat kuasa setakat Jun 2020.

TENDER

Bahagian Perolehan dan Penswastaaan (BPP) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)

bertanggungjawab mengurus dan melaksanakan perolehan tender perkhidmatan membekal bahan makanan mentah, basah dan kering di Semenanjung Malaysia.

SEBUT HARGA

Hospital

bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan perolehan perkhidmatan membekal bahan makanan mentah, basah dan kering. Pengurusan perolehan tersebut tidak melibatkan BPP dan JKN.

3 PTJ

- Hospital Kuala Kubu Bharu, Selangor
- Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor
- Hospital Kemaman, Terengganu

PENEMUAN AUDIT

a. PRESTASI PERKHIDMATAN

Pencapaian *Output* Perkhidmatan

- Secara amnya, ketiga-tiga hospital yang dilawati telah menyediakan hidangan makanan sebagaimana yang ditetapkan iaitu sarapan, makan tengahari, minum petang dan makan malam. Hidangan makanan yang disediakan adalah mengikut pesanan klinikal di wad perubatan berdasarkan keperluan pesakit.

Pencapaian *Outcome* Perkhidmatan

- Berdasarkan laporan berkaitan standard petunjuk prestasi yang disediakan oleh Unit Dietetik dan Sajian, didapati ketiga-tiga hospital yang dilawati telah mencapai standard yang ditetapkan berkaitan kepuasan pelanggan ($\geq 85\%$) dan ketepatan hidangan makanan ($\geq 95\%$) bagi tahun 2018 hingga Mac 2020.

Secara keseluruhan, berasaskan kriteria yang ditetapkan oleh pihak KKM, laporan pencapaian prestasi perkhidmatan bagi ketiga-tiga hospital ini menunjukkan telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

b. PENGURUSAN PERKHIDMATAN

Pencapaian Kewangan

- Keseluruhan peruntukan kewangan KKM bagi perkhidmatan ini adalah berjumlah RM510,520,903.10. Peruntukan yang diluluskan bagi perkhidmatan penyediaan makanan *secara in-house* di Hospital Kuala Kubu Bharu, Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan Hospital Kemaman bagi tahun 2018 hingga 2020 berjumlah RM8,665,703.78. Sehingga 31 Ogos 2020, sejumlah RM7,186,863.77 (82.93%) telah dibelanjakan oleh tiga hospital tersebut. Hospital Pakar Sultanah Fatimah telah membelanjakan RM3,732,882.21 (88%) daripada peruntukan yang diterima. Hospital Kemaman pula telah membelanjakan sejumlah RM1,619,569.83 (80.3%) dan Hospital Kuala Kubu Bharu pula menggunakan sebanyak RM1,834,411.73 (75.6%) daripada peruntukan yang telah diterima.

Pengurusan Dan Pematuhan Terhadap Kontrak

- **Bon Pelaksanaan Lewat Dikemukakan**
 - Pihak Audit mendapati bon pelaksanaan ada dikemukakan oleh pembekal di ketiga-tiga hospital yang dilawati. Bagaimanapun, bon pelaksanaan lewat dikemukakan antara 12 hingga 31 hari di Hospital Kuala Kubu Bharu dan Hospital Kemaman.

- **Mekanisme Bagi Pengesahan Waktu Penerimaan Tidak Ditetapkan**
 - **Hospital Kuala Kubu Bharu**
 - i. Tiada kaedah pengesahan waktu penerimaan ditetapkan oleh pihak hospital untuk dipatuhi oleh pembekal dan menyebabkan klausa denda bagi kegagalan pengesahan waktu penerimaan tidak dapat dikuatkuasakan.
 - ii. Oleh yang demikian, denda yang dianggarkan berjumlah RM39,381.42 tidak dapat dikenakan bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 15 April 2019.
 - iii. Penetapan kaedah pengesahan waktu penerimaan telah dibuat oleh pihak hospital mulai Perjanjian yang baharu iaitu 16 April 2019. Kad petak telah digunakan bagi merekod masa penghantaran bekalan oleh pembekal dan disahkan oleh pegawai di Unit Dietetik dan Sajian.
 - **Hospital Pakar Sultanah Fatimah**
 - i. Tiada kaedah pengesahan waktu penerimaan ditetapkan oleh pihak hospital untuk dipatuhi oleh pembekal dan menyebabkan klausa denda bagi kegagalan pengesahan waktu penerimaan tidak dapat dikuatkuasakan.
 - ii. Oleh yang demikian, denda yang dianggarkan berjumlah RM75,544.20 tidak dapat dikenakan bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 30 April 2020.
- **Bahan Yang Dibekalkan Tidak Mengikut Unit Ukuran Yang Ditetapkan**
 - Bahan kering yang dibekalkan oleh pembekal di Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan Hospital Kemaman tidak mengikut unit ukuran iaitu kurang daripada unit ukuran yang ditetapkan dalam Perjanjian.
- **Pengurusan Kenaan Denda Kepada Pembekal - Denda Tidak Dikenakan Terhadap Kegagalan Mematuhi Kaedah Pengesahan Waktu Penghantaran**
 - Pembekal tidak merekod masa di kad perakam waktu melibatkan 27 penghantaran bekalan bagi tempoh Januari 2018 hingga Jun 2020.
 - Denda 5% berjumlah RM1,659.16 tidak dikenakan oleh Hospital Kemaman terhadap pembekal di atas kegagalan mematuhi kaedah pengesahan waktu penghantaran yang ditetapkan.
 - Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada pembekal mematuhi kaedah pengesahan waktu penghantaran bagi bulan Mac 2019 kerana kad perakam waktu telah hilang dan gagal dikemukakan untuk tujuan pengauditan.

Pembayaran Kepada Pembekal

- **Pembayaran Dibuat Bagi Barang/Item Yang Tidak Diterima**
 - Semak silang Audit terhadap 15 baucar bayaran/arahan pembayaran dan Borang Perubatan 34 mendapati tiada bukti pada Borang Perubatan 34 yang menunjukkan 96 item berjumlah RM4,131.60 diterima oleh Hospital Kuala Kubu Bharu.
 - Semak silang Audit terhadap tujuh (7) baucar bayaran/arahan pembayaran dan Borang Perubatan 34 mendapati tiada bukti pada Borang Perubatan 34 yang menunjukkan 54 item berjumlah RM21,707.80 diterima oleh Hospital Pakar Sultanah Fatimah.
 - Semak silang Audit terhadap satu (1) baucar bayaran/arahan pembayaran dan Borang Perubatan 34 mendapati tiada bukti pada Borang Perubatan 34 yang menunjukkan dua (2) item berjumlah RM78 diterima oleh Hospital Kemaman.

- **Pembayaran Tidak Dibuat Bagi Barang/Item Yang Diterima**
 - Semak silang Audit terhadap 14 sampel baucar bayaran/arahan pembayaran, Borang Perubatan 34 dan Penyata Bulanan mendapati pembayaran tidak dibuat terhadap 93 item oleh Unit Dietetik dan Sajian di Hospital Kuala Kubu Bharu yang menyebabkan amaun telah terkurang bayar berjumlah RM5,064.38.
 - Semak silang Audit terhadap sembilan (9) sampel baucar bayaran/arahan pembayaran, Borang Perubatan 34 dan Penyata Bulanan juga mendapati pembayaran tidak dibuat terhadap 129 item oleh Unit Dietetik dan Sajian di Hospital Pakar Sultanah Fatimah menyebabkan amaun telah terkurang bayar RM7,798.50.

- **Amaun Terlebih Bayar**
 - Pembayaran melebihi nilai item yang diterima oleh Unit Dietetik dan Sajian di Hospital Kuala Kubu Bharu dan Hospital Pakar Sultanah Fatimah.
 - Perbezaan tersebut seterusnya menyebabkan pembekalan bahan makanan mentah, basah dan kering telah terlebih bayar melibatkan 47 item di Hospital Kuala Kubu Bharu berjumlah RM935.32 dan tujuh (7) item di Hospital Pakar Sultanah Fatimah berjumlah RM245.81.

- **Amaun Terkurang Bayar**
 - Perbezaan bilangan/jumlah bagi beras dan bawang di Penyata Bulanan bagi bulan Mac 2020 di Hospital Pakar Sultanah Fatimah disebabkan kesilapan pengiraan dan menyebabkan pembekalan bahan makanan mentah, basah dan kering telah terkurang bayar berjumlah RM254.89.
 - Pembayaran kurang daripada nilai item yang diterima oleh Unit Dietetik dan Sajian di ketiga-tiga hospital yang dilawati.
 - Perbezaan tersebut seterusnya menyebabkan pembekalan bahan makanan mentah, basah dan kering telah terkurang bayar di Hospital Kuala Kubu Bharu, Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan Hospital Kemaman yang masing-masing melibatkan 72, 35 dan empat (4) item berjumlah RM2,339.60, RM2,440.13 dan RM101.50.

- **Kesilapan Pembayaran**
 - 15 item yang dibayar adalah berbeza dengan item yang diterima oleh Unit Dietetik dan Sajian di Hospital Kuala Kubu Bharu.
 - Perbezaan tersebut seterusnya menyebabkan amaun yang dibayar adalah tidak sama dengan nilai item yang diterima.

- **Kesilapan Penetapan Harga**
 - Kesilapan harga bagi item agar-agar di Hospital Kuala Kubu Bharu.
 - Kesilapan harga bagi 3 item iaitu tauhu jepun, oren sunkist dan tauhu keping di Hospital Pakar Sultanah Fatimah.

Pengurusan Perkhidmatan Penyediaan Makanan

- **Penyediaan Sajian Mengikut Kitaran Menu Tidak Dapat Ditentukan**
 - Dokumen/buku rekod yang digunakan bagi pengagihan makanan oleh Unit Dietetik dan Sajian kepada pihak wad di ketiga-tiga hospital yang dilawati tidak menyatakan menu harian yang disediakan untuk pesakit.
 - Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada menu harian yang disediakan di ketiga-tiga hospital tersebut adalah berdasarkan kitaran menu yang ditetapkan.

- **Masa Pengagihan Dan Hidangan Makanan Tidak Direkod**

- Hospital Kuala Kubu Bharu ada mencatatkan masa agihan diet dari Unit Dietetik dan Sajian ke wad. Bagaimanapun, masa agihan bagi sarapan pagi yang dilaksanakan tidak mengikut masa yang ditetapkan di dalam Manual Diet Hospital 2016.
- Dokumen/buku rekod yang digunakan bagi pengagihan makanan oleh Unit Dietetik dan Sajian kepada pihak wad di Hospital Pakar Sultanah Fatimah dan Hospital Kemaman hanya menyatakan bilangan sajian tetapi tidak menyatakan masa agihan makanan. Oleh yang demikian, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada waktu pengagihan makanan dipatuhi atau sebaliknya sepertimana yang ditetapkan Buku Manual Diet Hospital 2016.
- Selain itu, tiada dokumen disediakan di ketiga-tiga hospital bagi merekodkan masa hidangan makanan kepada pesakit. Pihak Audit tidak dapat menentukan masa sebenar hidangan makanan kepada pesakit.

- **Kualiti Bahan Makanan - Item Telah Tamat Tarikh Luput/Rosak**

- Pemeriksaan fizikal Audit yang dijalankan di Unit Dietetik dan Sajian Hospital Kuala Kubu Bharu pada 25 Jun 2020 mendapati telur telah tamat tarikh luput pada 21 Jun 2020.
- Sepaket jintan manis yang tidak mempunyai label tarikh luput telah berubah daripada bentuk asal dan telah hancur serta tidak sesuai untuk digunakan dalam masakan.

Pengurusan Aset Dan Stor

- **Perbezaan Baki Fizikal Dengan Baki Rekod Item Stor**

- Baki yang direkodkan pada Kad Daftar Stok (KEW.PS-4) adalah berbeza dengan baki sebenar stok bagi enam (6) item di Stor Unit Dietetik dan Sajian di Hospital Kuala Kubu Bharu.

- **Aset Tidak Didaftarkan**

- 15 rak yang digunakan untuk meletakkan stok bahan makanan kering di Hospital Kemaman tidak didaftarkan.

- **Aset Tidak Boleh Digunakan**

- Perolehan telah dibuat bagi seunit *Shield Automatic Tilting Kettle* bernilai RM39,800 dan telah diterima pada 2 Oktober 2019. Bagaimanapun, didapati aset tersebut tidak boleh digunakan.
- Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab menyatakan aset tersebut telah dibuat pengujian semasa penerimaan tetapi tidak pernah digunakan selepas itu disebabkan masalah *piping*.

- **Tindakan Pelupusan Lewat Diambil**

- Aset rosak dan tidak digunakan diletakkan di ruangan dapur Unit Dietetik dan Sajian Hospital Pakar Sultanah Fatimah.
- Temu bual dengan pegawai bertanggungjawab menyatakan aset-aset tersebut sedang dalam proses pelupusan.
- Tindakan pelupusan lewat diambil walaupun Laporan Teknikal telah dikeluarkan dan aset berkaitan telah diberhentikan penyenggaraan oleh syarikat konsesi melibatkan lapan (8) aset dan tempoh masa antara 1027 hingga 1770 hari. Pengiraan tempoh masa adalah dari tarikh penyenggaraan diberhentikan sehingga tarikh pengauditan pada 8 Julai 2020.
- Pemeriksaan tahunan aset yang dijalankan pada 1 Julai 2019 menyatakan aset-aset tersebut berada dalam keadaan baik. Ini menunjukkan hasil pemeriksaan aset yang telah dilaksanakan adalah tidak tepat.

Pemantauan

Secara keseluruhan, aspek pemantauan terhadap pengurusan perkhidmatan penyediaan makanan secara *in-house* perlu dipertingkatkan khususnya bagi aspek:

- i. Pengurusan penerimaan bahan bekalan;
- ii. Pembayaran kepada pembekal;
- iii. Pengurusan perkhidmatan penyediaan makanan; dan
- iv. Pengurusan aset dan stor.

Isu-isu yang dibangkitkan adalah berpunca daripada pemantauan yang kurang cekap daripada pihak pengurusan serta Unit Dietetik dan Sajian hospital. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan pemantauan secara berkala telah dilaksanakan di antaranya terhadap penerimaan bekalan bahan makanan mentah, basah dan kering, pelaksanaan

penyediaan dan hidangan makanan kepada pesakit, kegagalan pembekal mematuhi klausa-klausa yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian serta perihal pembayaran kepada pembekal.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan bahawa perkhidmatan penyediaan makanan secara *in-house* telah mencapai *output* dan *outcome* yang disasarkan. Bagaimanapun, pengurusan perkhidmatan penyediaan makanan masih tidak mencapai tahap kecekapan yang optimum, berhemah, berkesan dan perlu penambahbaikan. Kelemahan-kelemahan yang wujud seperti bon pelaksanaan lewat dikemukakan, mekanisme bagi pengesahan waktu penerimaan tidak ditetapkan dan kesilapan dalam pembayaran menunjukkan pengurusan perkhidmatan yang perlu ditambah baik.

SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan perkhidmatan penyediaan makanan secara *in-house*, adalah disyorkan supaya pihak KKM/hospital mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- Tafsiran terhadap aspek profesional, selamat, berkualiti dan efektif disediakan dan dibudayakan di hospital;
- Mengemaskini sistem dan prosedur serta kawalan *preventive* bagi tujuan *safeguarding the assets* dan sebagainya;
- Memastikan bon pelaksanaan dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan;
- Mekanisme bagi pengesahan waktu penerimaan ditetapkan;
- Denda dikenakan terhadap pembekal mengikut kadar yang ditetapkan dalam perjanjian bagi kegagalan mematuhi syarat perjanjian; dan
- Pemantauan secara efektif dan berkala hendaklah dibuat terhadap keseluruhan pengurusan perkhidmatan penyediaan makanan agar lebih cekap dan selaras dengan syarat kontrak, manual dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia yang berkuat kuasa.

3.4

**LAPORAN PENGAUDITAN
PRESTASI - ICT**

**KAJIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN SISTEM TELEPRIMARY CARE – ORAL
HEALTH CLINICAL INFORMATION SYSTEM (TPC-OHCIS) DI KLINIK-KLINIK
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Tahun 2017

TPC- OHCIS dibangunkan

Kategori

Gabungan antara Sistem *Teleprimary Care* (TPC) dan *Oral Health Clinical Information System* (OHCIS)

10 Modul

- | | |
|---------------------------------------|-------------------------------------|
| 1) <i>Patient Management</i> | 6) <i>Master Data</i> |
| 2) <i>Clinical Document</i> | 7) <i>Administration</i> |
| 3) <i>Order & Result</i> | 8) <i>Report</i> |
| 4) <i>Billing & Micro Costing</i> | 9) <i>Self-Monitoring</i> |
| 5) <i>Outreach</i> | 10) <i>Integration/Data Gateway</i> |

Objektif TPC-OHCIS

Menilai sama ada pengurusan sistem TPC-OHCIS telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

11 PTJ

- Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)
- Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK)
- Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNNS)
- Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pergigian (PKPD), Seremban
- Klinik Kesihatan dan Pergigian Seremban
- Klinik Kesihatan dan Pergigian Senawang
- Klinik Kesihatan dan Pergigian Mantin

3.4 PENEMUAN AUDIT PRESTASI ICT

Pencapaian Output

- Pihak BPKK hanya menetapkan KPI dan kaedah pengukuran atau indikator. Bagaimanapun, bagi setiap KPI yang dinyatakan bagi mengukur model tersebut, tiada sasaran KPI secara spesifik ditetapkan.

Pencapaian *Outcome*

- Prestasi pelaksanaan sistem TPC-OHCIS telah berjaya mengurangkan masa menunggu semasa proses pendaftaran, mempercepatkan proses mendapatkan temu janji doktor serta proses penyediaan senarai pelajar untuk rawatan pergigian di sekolah dapat dikurangkan.
- Hanya modul *billing* sahaja mempunyai isu iaitu resit tidak dapat dijana secara elektronik dan masih menggunakan resit manual.

Prestasi Penggunaan Sistem Dan Latihan

- Kadar caj Perintah Fi dan caj di sistem tidak sama;
- Masalah sistem rangkaian perlahan/*hang*;
- Isu semasa sistem beroperasi secara *offline*; dan
- Sistem tidak stabil menyebabkan data hilang.

Pencapaian Teknikal Sistem TPC-OHCIS

- Di peringkat Ibu Pejabat KKM dan Pusat Data, BPKK memantau prestasi sistem dengan membuat *overview* terhadap aplikasi sistem pada tahun ketiga setelah TPC-OHCIS dibangunkan.
- BPKK telah mengenal pasti beberapa isu teknikal dan cadangan penambahbaikan terhadap sistem seperti di Jadual berikut:

BIL.	PENEMUAN	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
1.	Penggunaan memori yang tinggi melibatkan beberapa unit server.	Kajian semula pengurusan proses ' <i>memory</i> ' dan peruntukan ' <i>memory</i> ' bagi server yang terlibat.
2.	Kelambatan memuatkan halaman berkaitan ' <i>cdcomponent</i> ' yang disebabkan kelewatan (<i>delay</i>) ' <i>registerController</i> '.	Semakan lanjut terhadap kelewatan dalam ' <i>registerController</i> '.
3.	Kelambatan dalam proses ' <i>registration/search</i> ' disebabkan oleh tempoh masa yang lama dihabiskan di rangkaian I/O semasa proses permohonan data dari pangkalan data (DB <i>query execution</i>).	Semakan lanjut terhadap kelewatan rangkaian (<i>network latency</i>) antara server ' <i>ent</i> ' dan server pangkalan data ' <i>moh_dc</i> '.
4.	Jumlah kesalahan (<i>error</i>) <i>JavaScript</i> yang tinggi.	Semak dan membuat pembetulan kesalahan.

Pengurusan Capaian Pengguna

- Tiada rekod Borang Permohonan Akaun Pengguna Sistem TPC-OHCIS (permohonan baru atau batal) digunakan di KP Seremban, KK Seremban, KK Senawang, KP Senawang, KK Mantin dan KP Mantin.

Pendaftaran Pengguna/Pelanggan

- 52 daripada 103 pendaftaran bayi belum dikemaskinikan ke dalam sistem di KK Mantin.

Kadar Fi Yang Ditetapkan Dalam Sistem Pendaftaran Tidak Bersamaan Dengan Perintah Fi

- Caj rawatan berjumlah RM20 ditetapkan kepada pesakit warganegara dalam sistem di KK Mantin manakala caj rawatan di resit fizikal berjumlah RM75.

Pengurusan Aduan Kerosakan Perkakasan, Perisian ICT Dan Peralatan Rangkaian Oleh Pasukan *Core Team* Teknikal TPC-OHCIS KKM

- Kontrak penyenggaraan TPC-OHCIS telah tamat tempoh pada 8 Januari 2020. Bagaimanapun sehingga ke tarikh pengauditan, tiada kontrak baru dimeterai.
- BPM telah menubuhkan pasukan *Core Team* Teknikal TPC-OHCIS yang terdiri daripada wakil Program Kesihatan Pergigian, BPKK, BPM dan JKNNS berperanan sebagai pusat Helpdesk.

Tarikh/Masa Aduan Telah Selesai Tetapi Tidak Dikemas kini Ke Dalam Log Aduan

- 12 aduan yang telah diselesaikan daripada 25 kes dalam Log Aduan TPC-OHCIS tidak dikemas kini dengan maklumat tarikh/masa.

Aduan Berstatus '*Pending*' Dan Aduan Diselesaikan Dalam Tempoh Yang Lama

- Tiga (3) aduan masih berstatus *pending* daripada 10 Log Aduan sehingga ke tarikh pengauditan pada 12 Ogos 2020 berbanding dengan tarikh aduan dibuat. Tempoh masa aduan berstatus *pending* tersebut ialah antara 68 hingga 166 hari.

- Semakan terhadap Borang Aduan Permasalahan Perkakasan Komputer di KP Senawang pula mendapati JKNNS mengambil masa yang lama iaitu antara 23 hingga 34 hari untuk membaiki kerosakan perkakasan komputer.

Kontrak Lewat Ditandatangani

- Kontrak Penyenggaraan TPC-OHCIS lewat ditandatangani iaitu melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST). Tarikh keluar SST adalah pada 28 Jun 2019 manakala tarikh kontrak ditandatangani pada 2 Disember 2019.

Penyenggaraan Pencegahan (*Planned Preventive Maintenance*) Tidak Dijalankan

- PPM bagi peralatan/perkakasan sistem TPC-OHCIS untuk 16 buah klinik kesihatan dan pergigian di daerah Seremban tidak pernah dibuat sejak sistem TPC-OHCIS dibangunkan iaitu mulai tahun 2017.
- Perenggan 1.1(f) Kontrak Penyenggaraan TPC-OHCIS menyatakan PPM bagi peralatan/perkakasan TPC-OHCIS hanya dilakukan di Pusat Data Sektor Awam (PDSA) sahaja.

Penjagaan Dan Keselamatan Bilik Server

- Buku Log tidak disediakan bagi merekodkan pergerakan masuk dan keluar di Bilik Server KK Seremban, KP Seremban, KK Senawang dan KK Mantin.
- Permukaan perkakasan ICT berhabuk dan tidak bersih di Bilik Server KP Seremban, KK Senawang dan KK Mantin. Terdapat barangan lain seperti kotak yang mengandungi peralatan elektronik yang tidak berkaitan dan tangga juga diletakkan di dalam Bilik Server tersebut. Keadaan siling juga berlubang yang boleh meningkatkan risiko kerosakan server.

Aset Tidak Didaftarkan, Dilabel Dengan Tanda Pengenalan 'Hak Kerajaan Malaysia' Dan Nombor Siri Pendaftaran

- 67 aset tidak didaftarkan di KK Seremban, KK Senawang dan KK Mantin.
- Aset tidak dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran dan tanda 'Hak Kerajaan Malaysia' di KK Seremban, KP Seremban, KK Senawang, KP Senawang, KK Mantin dan KP Mantin.

Peralatan ICT Yang Tidak Digunakan

- Sebuah televisyen jenama Samsung berukuran 40 inci, nilai perolehan RM2,100 dengan nombor siri pendaftaran KKM/JKN/PKD/KK/05-05-09/H/17/70 yang ditempatkan di kantin KK Senawang tidak digunakan.

Pemeriksaan Aset Tidak Dilaksanakan


- Tiada pemeriksaan aset dilaksanakan terhadap 227 aset di KK Seremban, 163 aset di KK Senawang dan 82 aset di KK Mantin sejak dari tahun penerimaan aset iaitu pada tahun 2017.

3.4.1 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, sistem ini menambah baik Sistem Pengurusan Pesakit di Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian. Ia juga dapat memberi input terhadap pengurusan data dan maklumat pesakit di klinik. Bagaimanapun, pengurusan sistem TPC-OHCIS di klinik-klinik adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang wujud dalam pengurusan sistem tersebut hendaklah ditambah baik bagi memastikan kecekapan sistem dan pengurusan sistem serta infrastruktur terhadap sistem tersebut.

3.4.2 SYOR AUDIT

- Memastikan program penyenggaraan pemuliharaan dan pencegahan secara berkala terhadap semua peralatan/perkakasan TPC-OHCIS (infrastruktur) dapat dilaksanakan bagi tujuan memastikan kecekapan sistem dipantau.
- Memastikan latihan kepada pegawai baru disediakan/dihantar bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai. Contohnya, latihan kepada pegawai pengurusan aset dipertingkatkan dengan memberi latihan secara komprehensif dari semasa ke semasa.
- Memastikan peraturan kadar fi yang dicajkan dalam sistem adalah bersamaan kadar yang ditetapkan dalam Perintah Fi.
- Memastikan pengurusan kontrak sempurna dan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Memastikan budaya kerja yang mematuhi peraturan kerja bagi segala bentuk proses kerja termasuk pengurusan aset.

- 
- BPM dan BPKK perlu menyelesaikan isu/masalah terhadap sistem TPC-OHCIS dan seterusnya mengambil kira cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh pengguna sistem TPC-OHCIS.

3.5

**LAPORAN PENGESAHAN
BAKI ASET DAN LIABILITI**

Objektif Pengauditan

- Menentukan sama ada data baki awal yang dikemukakan boleh disahkan dan digunakan bagi tujuan penyediaan penyata kewangan berasaskan akruan.

Item Penyata Kewangan Terlibat

- Aset Tak Alih
- Aset Alih
- Aset Tak Ketara
- Akaun Belum Terima

Nilai Aset Diverifikasi

RM891 juta nilai aset *cut off* 31 Disember 2019

RM1.9 billion aset *cut off* 30 Jun 2020

3.6 PENDAHULUAN

- CAD telah melaksanakan verifikasi baki awal aset dan liabiliti bagi membantu KKM mengesahkan data perakaunan di peringkat Kementerian selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan.

3.6.1 PENGESAHAN DATA BAKI AWAL PERAKAUNAN AKRUAN – ASET ALIH/ ASET TAK ALIH/ ASET TAK KETARA/ AKAUN BELUM TERIMA

- Pada tahun 2020, CAD telah melaksanakan pengesahan terhadap Baki Awal Aset dan Liabiliti KKM bagi data *cut off* 31 Disember 2019 dan 30 Jun 2020. Butiran terperinci data baki awal aset dan liabiliti yang telah diverifikasi adalah seperti berikut:

**DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI
BAGI CUT OFF 31 DISEMBER 2019 DAN CUT OFF 30 JUN 2020**

BIL.	PERKARA	CUT OFF 31 DISEMBER 2019 (RM)	CUT OFF 30 JUN 2020 (RM)
1.	Aset Alih (Tambahan)	814,683,677.49	-
2.	Aset Tak Alih	39,630,000.00	1,666,354,000.00
3.	Aset Tak Ketara	-	3,317,926.62
4.	Akaun Belum Terima	36,935,890.83	235,647,387.75

Sumber : Bahagian Akaun Kementerian Kesihatan Malaysia

3.6.2 PENEMUAN AUDIT VERIFILKASI DATA BAKI AWAL ASET ALIH

- Hasil verifikasi bagi tempoh *cut-off* 31 Disember 2019 yang telah dilaksanakan terhadap 142 sampel bernilai RM2.51 juta di 12 PTJ di bawah seliaan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWPKLP) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Langat bagi 31 Disember 2019. Pihak Audit mendapati data baki yang dikemukakan tidak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama kerana:
 - Amaun yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun berbeza dengan laporan yang diselenggarakan oleh PKD Kuala Langat melibatkan terkurang nyata berjumlah RM3,348,379.29.
 - Lima (5) aset berjumlah RM38,696.00 yang telah rosak dan tidak digunakan kerana keusangan teknologi masih dibayar kos penyelenggaraan bulanan di bawah program MEET.
 - Satu (1) aset yang telah dilupuskan di Hospital Kajang masih belum dikeluarkan dari Sistem Pengurusan Aset dan menyebabkan data baki awal terlebih nyata sebanyak RM4,800.00.

3.6.3 PENEMUAN AUDIT VERIFIKASI DATA BAKI AWAL ASET TAK ALIH

- Hasil verifikasi yang dilaksanakan secara persampelan terhadap data baki awal Aset Tak Alih (ATA) bagi tempoh *cut-off* 31 Disember 2019 dan 30 Jun 2020 menunjukkan perkara seperti berikut:
 - Maklumat ATA di dalam templat yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun tidak dapat disahkan kerana nama premis tidak sama dengan rekod PTJ.
 - Nilai ATA, kedudukan dan pemilikan tanah ATA tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan sebagai bukti.

- Data baki awal ATA terlebih nyata kerana ATA bukan milik KKM telah dimasukkan ke dalam templat yang diperolehi daripada Bahagian Akaun.
- Kewujudan tanah milik KKM tidak dapat disahkan kerana lokasi tanah tidak diketahui dan tiada dokumen sokongan dikemukakan semasa pengesahan dibuat.
- Pencerobohan harta tanah milik KKM oleh pihak ketiga melalui pembinaan struktur bangunan kekal di kawasan tersebut.
- Keluasan tanah dalam rekod Bahagian Akaun berbeza dengan rekod yang diselenggara oleh PTJ.
- Kos sebenar perolehan/projek tanah/bangunan milik KKM tidak dapat disahkan kerana tiada sebarang maklumat terperinci dan dokumen sokongan JPPH dikemukakan untuk semakan dan pengesahan.
- Maklumat ATA seperti No. Hak Milik dan No. Lot Tanah tersalah catat di dalam templat Bahagian Akaun.

3.6.4 PENEMUAN AUDIT VERIFIKASI DATA BAKI AWAL ASET TAK KETARA

- Verifikasi yang dijalankan terhadap data baki awal Aset Tak Ketara (ATK) bagi tempoh *cut-off* 30 Jun 2020 mendapati rekod ATK yang dikemukakan tidak menunjukkan gambaran yang benar dan saksama kerana:
 - Usia guna/ jangka hayat, tempoh dan kaedah pelunasan ATK belum ditentukan oleh PTJ.
 - ATK yang tidak mematuhi kriteria pengiktirafan kerana tidak lagi memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan telah dicatatkan di dalam templat yang diperolehi daripada Bahagian Akaun
 - Kos perolehan harta intelek (paten) tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan kewangan tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan.
 - ATK tidak didaftarkan ke dalam KEW.ATK-3, KEW.ATK-4 dan KEW.ATK-5 dan direkodkan menggunakan kod perakaunan yang betul.

3.6.5 PENEMUAN AUDIT VERIFIKASI DATA BAKI AWAL AKAUN BELUM TERIMA

- Verifikasi data baki awal Akaun Belum Terima (ABT) Tambahan bagi tempoh *cut-off* 31 Disember 2019 dan ABT – Caj Rawatan Hospital bagi 30 Jun 2020 (dikemas kini pada 30 September 2020) yang dikemukakan adalah tidak menunjukkan kedudukan yang saksama kerana:
 - Amaun ABT Tambahan yang dikemukakan bagi tiga (3) PTJ terkurang nyata sebanyak RM40,127.96.

- Senarai Akaun Penghutang/Akaun Subsidiari tidak dicetak atau disimpan oleh PTJ pada tarikh *cut-off*.
- Salinan kepingan caj rawatan/invois tidak dikemukakan atau disimpan oleh PTJ mengikut daftar Akaun Subsidiari yang disimpan.
- Perbezaan rekod antara bil rawatan hospital yang dikeluarkan dengan amaun yang dilaporkan dalam Penyata Tunggakan Hasil.
- Bil Caj Rawatan Hospital tidak diambil kira dalam Penyata Hasil Tertunggak menyebabkan nilai ABT – Caj Rawatan Hospital terkurang nyata.

3.6.6 RUMUSAN

- Secara keseluruhannya CAD mendapati data baki awal yang telah diverifikasi adalah kurang memuaskan dan tidak menunjukkan yang nilai saksama.

3.6.7 SYOR AUDIT

- Salinan hak milik tanah perlu disimpan oleh pengurus premis dan JKN. JKN juga perlu menyelaras proses penilaian harta oleh JPPH.
- Bahagian Akaun disyorkan untuk mengambil tindakan berikut bagi memastikan PTJ mempunyai panduan yang jelas untuk merekod dan menyelenggarakan akaun ATK yang berkaitan:
 - i. Penilaian sama ada usia guna/ jangka hayat ATK boleh ditentukan atau tidak boleh ditentukan
 - ii. Pemilihan kaedah dan kadar pelunasan untuk setiap ATK
 - iii. Polisi dan kaedah penentuan penjejasan nilai (*impairment*)
 - iv. Penyimpanan dan pemfailan rekod kewangan ATK
 - v. Takrifan potensi perkhidmatan perlu diperhalusi terutama untuk lesen perisian
 - vi. Melaksanakan sesi latihan dan penerangan kepada pegawai perakaunan di PTJ untuk meningkatkan tahap kompetensi serta memastikan layanan perakaunan dibuat secara konsisten di semua PTJ KKM
- Bahagian Akaun perlu menyelaras laporan ABT dengan setiap PTJ dan mengambil tindakan untuk mengenal pasti perbezaan berkenaan. Latihan bersesuaian perlu diberi kepada pegawai bertanggungjawab di PTJ untuk memastikan templat ABT disediakan dengan tepat.
- Bahagian Akaun mengeluarkan arahan kepada PTJ untuk menyimpan data penghutang pada tempoh *cut-off* 30 Jun dan 31 Disember sama ada dalam bentuk bercetak atau *soft copy*. Data ini hendaklah sama dengan angka yang dilaporkan dalam penyata tersebut.

4.0

AG'S DASHBOARD

4.1 PEMANTAUAN ISU-ISU YANG DIPAPARKAN DALAM AG'S DASHBOARD

- Dengan pelancaran Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (AG's *Dashboard*) Versi 2.0 pada 26 Mac 2015 yang memerlukan maklum balas terkini isu-isu yang dipaparkan, dikemas kini secara dalam talian, Ketua Setiausaha melalui Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 5/2015 telah melantik CAD sebagai Penyelaras bagi AG's Dashboard Versi 2.0 di KKM. Selaras dengan pekelling tersebut, CAD telah bertindak sebagai pemilik Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Kesihatan bagi Isu-Isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) berkaitan dengan KKM.
- Sebagai Penyelaras AG's Dashboard di KKM, CAD telah memainkan peranan yang aktif dalam membantu pihak Kementerian menyelesaikan isu-isu yang dipaparkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pada tahun 2019, isu-isu yang berkaitan KKM telah dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 Siri 1 dan Siri 2 yang telah dibentangkan di Parlimen masing-masing pada 15 Ogos 2019 dan 3 Disember 2019. Manakala pada tahun 2020 tiada Laporan Ketua Audit Negara berkenaan Kementerian Kesihatan dibentangkan di Parlimen. **Jadual 9** hingga **12** menunjukkan kedudukan terkini isu-isu LKAN Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2 serta LKAN Tahun 2018 Siri 1 dan Siri 2 setakat 31 Disember 2020 yang dipaparkan dalam *AG's Dashboard*:

Jadual 9
Status Isu LKAN Tahun 2017 Siri 1
Yang Dipaparkan Dalam AG's Dashboard

Bil.	Tajuk Kajian	Jumlah Isu Yang Dipapar	Status Laporan Setakat 31.12.2020		Peratus Pencapaian
			Selesai	Dalam Tindakan	
1.	Projek Pembinaan Hospital Alor Gajah, Melaka	9	7	2	78%
Jumlah		9	7	2	78%

Jadual 10
Status Isu LKAN Tahun 2017 Siri 2
Yang Dipaparkan Dalam AG's Dashboard

Bil.	Tajuk Kajian	Jumlah Isu Yang Dipapar	Status Laporan Setakat 31.12.2020		Peratus Pencapaian
			Selesai	Dalam Tindakan	
1.	Pengurusan Skim Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh	9	9	0	100%
Jumlah		9	9	0	100%

Jadual 11
Status Isu LKAN Tahun 2018 Siri 1
Yang Dipaparkan Dalam AG's Dashboard

Bil.	Tajuk Kajian	Jumlah Isu Yang Dipapar	Status Laporan Setakat 31.12.2020		Peratus Pencapaian
			Selesai	Dalam Tindakan	
1.	Pengurusan Aktiviti Kecemasan Di Hospital	4	3	1	75%
Jumlah		4	3	1	75%

Jadual 12
Status Isu LKAN Tahun 2018 Siri 2
Yang Dipaparkan Dalam AG's Dashboard

Bil.	Tajuk Kajian	Jumlah Isu Yang Dipapar	Status Laporan Setakat 31.12.2020		Peratus Pencapaian
			Selesai	Dalam Tindakan	
1.	<i>Clinical Research Malaysia</i>	11	11	0	100
Jumlah		11	11	0	100%

5.0

**LAPORAN MESYUARAT
JAWATANKUASA AUDIT**

5.1 PENUBUHAN DAN KEAHLIAN

- Keahlian Jawatankuasa Audit terdiri daripada 39 ahli iaitu Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pengerusi, dua (2) Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, tiga (3) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, tiga (3) Pengarah Kanan Kesihatan, 11 Pengarah / Setiausaha Bahagian, 15 Pengarah Kesihatan Negeri/Wilayah Persekutuan serta empat (4) Ketua Cawangan/Unit yang berkaitan.

5.2 TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

- Jawatankuasa Audit telah bersidang sebanyak empat kali seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Mesyuarat Jawatankuasa Audit Tahun 2020

Bil.	Mesyuarat	Tarikh
1.	Bil. 1 Tahun 2020	11 Februari 2020
2.	Bil. 2 Tahun 2020	30 Jun 2020
3.	Bil. 3 Tahun 2020	3 November 2020
4.	Bil. 4 Tahun 2020	14 Januari 2021

5.2.1 STATUS ISU-ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

- Status isu-isu yang dibentangkan pada tahun 2020 dalam mesyuarat-mesyuarat JKA setakat 14 Januari 2021 adalah seperti berikut:

**STATUS ISU-ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2020
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2020**

	BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
				TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
BIL.1/2020 TARIKH 11.02.2020	1.	Pengurusan Kewangan – Pengauditan Terhadap Pengurusan Ubat	11	0	0	11
	2.	Pengurusan Kewangan – Pengauditan Pengurusan Kenderaan	8	0	1	7
	3.	Kajian Prestasi Terhadap pengurusan Perolehan Barangan Import Di KKM	7	0	0	7
Jumlah Keseluruhan			26	0	1	25

**STATUS ISU-ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2020
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2020**

	BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
				TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
BIL. 2/2020 TARIKH 30.06.2020	1.	Pengauditan Prestasi Terhadap Penyenggaraan Kuarters Di Pejabat Kesihatan Daerah, Kementerian Kesihatan Malaysia	7	0	0	7
	2.	Pengauditan Prestasi Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Radiologi di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	4	0	0	4
	3.	Pengauditan Prestasi Terhadap Aktiviti Rawatan Rehabilitasi Di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	9	0	1	8
	4.	Pengauditan Prestasi Terhadap Pengurusan Barangan Rampasan/Ekshibit Di Kementerian Kesihatan Malaysia	7	0	0	7
	5.	Pengauditan Pematuhan - Pengauditan Terhadap Perolehan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	20	0	0	20
Jumlah Keseluruhan			47	0	1	46

**STATUS ISU-ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2020
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2020**

	BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
				TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
BIL. 3/2020 TARIKH 03.11.2020	1.	Pengauditan Prestasi Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Penyediaan Makanan Secara <i>In-House</i> Di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	17	0	0	17
	2.	Pengauditan Pematuhan - Pengauditan Terhadap Pengurusan Kutipan Hasil di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	42	0	0	42
	Jumlah Keseluruhan			59	0	0

**STATUS ISU-ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2020
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

	BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
				TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
BIL. 4/2020 TARIKH 14.01.2021	1.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Pelupusan Aset Alih Kerajaan (Peralatan Perubatan) di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	22	0	1	21
	2.	Pengauditan Terhadap Pengurusan Bot Ambulans, Kementerian Kesihatan Malaysia	6	0	3	3
	3.	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Sistem TPC-OHCIS Di Klinik-Klinik, Kementerian Kesihatan Malaysia	9	0	0	9
	4.	Pengauditan Pematuhan Terhadap Kerja-kerja Pembaikan Kecil, Pengubahsuaian Dan Naik Taraf Di Pejabat Kesihatan Daerah/Kawasan/Bahagian	24	0	0	24
Jumlah Keseluruhan			61	0	4	57



5.2.2 RUMUSAN

Secara keseluruhannya JKA KKM telah berjaya mencapai matlamat dan objektif penubuhannya kerana selain daripada pembentangan isu-isu yang ditemui, Mesyuarat JKA turut berfungsi sebagai satu platform untuk bertukar pandangan serta mendapatkan khidmat nasihat berkaitan tadbir urus dan pengurusan kewangan.

6.0

***OUTCOME* DAN IMPAK
CAWANGAN AUDIT DALAM**

Outcome dan Impak yang dihasil daripada pelaksanaan aktiviti Cawangan Audit Dalam adalah seperti berikut:

JADUAL 14
OUTCOME DAN IMPAK CAWANGAN AUDIT DALAM KEPADA KEMENTERIAN/JABATAN BAGI TAHUN 2020

Bil.	Tarikh Surat/Laporan	Tajuk Pengauditan	Syor Audit	Penjimatan Kepada Kem/Jab (a), Kutipan Amaun Terlebih Bayar (b) Penalti Dikenakan (c) Kutipan Akaun Belum Terima (d) (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/Tadbir Urus/Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-lain (RM)
1.	07.02.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Permai	Mengenakan denda kerana tidak menyediakan kelengkapan dan peralatan.	1,190.04 (c)		
			Menuntut balik lebih bayaran daripada pembekal di atas kesilapan kadar tolakan bayaran yang dikenakan.	412.89 (b)		
2.	07.02.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Kuala Kangsar	Mengenakan penalti di atas kegagalan pengawal keselamatan membuat <i>clocking</i> .	153.18 (c)		
			Mengenakan penalti di atas kegagalan pengawal keselamatan hadir/lewat masuk bertugas.	262.20 (c)		
			Kutipan semula ke atas caj fi perkhidmatan yang dibayar kerana tidak menggunakan Sistem eP.	120.88 (b)		
3.	10.02.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Sentosa	Mengutip penalti bagi kegagalan <i>clocking</i> mengikut yang ditetapkan dalam kontrak.	58.80 (c)		
4.	11.2.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan	Mengutip denda bagi kegagalan <i>clocking</i> mengikut yang ditetapkan dalam kontrak.	137,606.12 (c)		

Bil.	Tarikh Surat/Laporan	Tajuk Pengauditan	Syor Audit	Penjimatan Kepada Kem/Jab (a), Kutipan Amaun Terlebih Bayar (b) Penalti Dikenakan (c) Kutipan Akaun Belum Terima (d) (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/Tadbir Urus/Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-lain (RM)
		Keselamatan Di Hospital Slim River	Mengutip penalti kerana tidak menyediakan kelengkapan dan peralatan.	3,003.05 (c)		
5.	18.02.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Melaka	Mengutip penalti terhadap kesalahan tidak membuat <i>clocking</i> berdasarkan klausa perjanjian.	61.50 (c)		
6.	18.02.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Ampang	Mengutip penalti kerana tidak menyediakan kelengkapan dan peralatan.	2,898.78 (c)		
7.	19.2.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Port Dickson	Tuntutan semula terhadap perkhidmatan CIT yang terlebih bayar.	798.00 (b)		
8.	03.03.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Kudat	Mengenakan tolakan bayaran di atas ketidakhadiran Pengawal Keselamatan.	972.84 (a)		
9.	03.03.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Besut	Mengenakan penalti kerana peralatan yang tidak mencukupi.	3,458.70 (c)		

Bil.	Tarikh Surat/Laporan	Tajuk Pengauditan	Syor Audit	Penjimatan Kepada Kem/Jab (a), Kutipan Amaun Terlebih Bayar (b) Penalti Dikenakan (c) Kutipan Akaun Belum Terima (d) (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/Tadbir Urus/Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-lain (RM)
10.	03.03.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Baling	Mengenakan penalti bagi pengawal keselamatan (pengganti) yang tidak disahkan telah lulus tapisan keselamatan.	16,878.00 (c)		
			Mengenakan penalti kerana gagal membuat rondaan dan <i>clocking</i> mengikut syarat kontrak.	12,702.00 (c)		
			Mengenakan penalti di atas kegagalan syarikat menyediakan peralatan atau kelengkapan.	211.70 (c)		
			Mengenakan caj Fi perkhidmatan 0.4% ke atas nilai perolehan termasuk caj SST bagi perkhidmatan kawalan keselamatan.			60.96
11.	03.03.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Jitra	Mengenakan penalti kerana kegagalan melaksanakan rondaan dan <i>clocking</i> .	21,831.08 (c)		
			Bayaran Perjanjian Tambahan terlebih bayar kerana mengambil kira tempoh perjanjian 10 bulan berbanding 9.5 bulan sahaja.	1,272.51 (b)		
			Bayaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan kepada syarikat yang lama walaupun perkhidmatan kawalan keselamatan telah diambil alih oleh Syarikat yang baru.	1,426.67 (b)		
12.	03.03.2020	Pematuhan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Hospital Rompin	Mengenakan penalti kerana kegagalan melaksanakan <i>Clocking</i> .	6,234.20 (c)		

Bil.	Tarikh Surat/Laporan	Tajuk Pengauditan	Syor Audit	Penjimatan Kepada Kem/Jab (a), Kutipan Amaun Terlebih Bayar (b) Penalti Dikenakan (c) Kutipan Akaun Belum Terima (d) (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/Tadbir Urus/Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-lain (RM)
13.	10.03.2020	Susulan Di PKB Serian	Mengutip tuntutan perjalanan terlebih dibayar.	440.00 (b)		
			Mengutip penalti bagi kegagalan melaksanakan rondaan mengikut kontrak.	1,922.20 (c)		
14.	10.03.2020	Pengurusan Kewangan Di Pejabat TPKN (Pergigian), Johor	Menuntut balik lebih bayaran daripada pegawai di atas caj tuntutan balik bil telefon yang tidak dibenarkan.	87.30 (b)		
			Menuntut balik daripada pegawai terhadap jumlah caj pembelian tiket kapal terbang yang tidak dibenarkan.	44.52 (b)		
15.	13.03.2020	Arahan Pembayaran Di Pejabat TPKN (Pergigian) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Urusan bil menggunakan kaedah e-billing bagi mengelak caj pengeposan.	20.00 (a)		
			Caj fi perkhidmatan hanya dikenakan kepada transaksi yang menggunakan sistem ePerolehan sahaja.	63.55 (b)		
			Memastikan pengiraan adalah tepat dan dokumen sokongan yang lengkap dan sempurna sebelum bayaran dilakukan.	351.93 (b)		
			Penalti/denda dikenakan terhadap kelewatan bekalan barang.	3,024.00 (c)		
16.	17.03.2020	Pengurusan Kewangan Di JKN Kelantan	Kutipan balik amaun terlebih bayar perlu dibuat bagi bacaan meter mesn Fotostat.	203.89 (b)		

Bil.	Tarikh Surat/Laporan	Tajuk Pengauditan	Syor Audit	Penjimatan Kepada Kem/Jab (a), Kutipan Amaun Terlebih Bayar (b) Penalti Dikenakan (c) Kutipan Akaun Belum Terima (d) (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/Tadbir Urus/Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-lain (RM)
			Kutipan balik amaun terlebih bayar bagi pembelian bahan api Kad SmartPay.	1,048.65 (b)		
17.	19.03.2020	Arahan Pembayaran Di PKPD Hulu Selangor	Menyemak kadar bayaran yang dibenarkan sebelum melaksanakan pesanan perkhidmatan makan dan minum.	24.00 (a)		
			Bangkitkan dalam mesyuarat peringkat tertinggi JKN senarai semua aset MEET yang tidak digunakan.	16,577.14 (a)		
